

**ANALISIS FILEM BUKIT KEPONG: KESAN  
KECERDASAN EMOSI TERHADAP PELAJAR  
KESUSASTERAAN WARISAN DI UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN**

**MUHAMMAD AMIR AFHAM BIN ROZI**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN  
2024



**ANALISIS FILEM BUKIT KEPONG: KESAN  
KECERDASAN EMOSI TERHADAP PELAJAR  
KESUSASTERAAN WARISAN DI UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

**MUHAMMAD AMIR AFHAM BIN ROZI  
(C20A1093)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2024**

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

**SULIT**

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.



---

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Muhammad Amir Afham Bin Rozi  
No. Kad Pengenalan: 000829-11-0317  
Tarikh: 13 Februari 2024



---

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: **SUDIRMAN BIN KIFFLI**  
Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat ilahi kerana berkat dan kurnia-Nya menganugerahkan limpah rahmat dan kebijaksanaan-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini dengan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan oleh pensyarah saya. Insya-Allah tugasan bagi kursus ini akan memberikan manfaat kepada saya dan juga para pengkaji pada masa hadapan.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang secara tidak langsung membantu memberikan sokongan, motivasi, wang ringgit bagi menyiapkan tugasan yang diberikan ini. Tanpa sokongan kedua ibu bapa saya mungkin saya tidak dapat meneruskan dan menyiapkan tugasan bagi subjek ini kerana ia memerlukan sokongan, motivasi dan doa keberkatan yang kuat daripada dua insan yang bergelar Ibu bapa. Sumbangan mereka berdua amat saya hargai.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia yang mengajar saya bagi projek penyelidikan iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli selaku penyelia projek penyelidikan kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan dan bimbingan beliau sepanjang saya menjalankan kajian ini. Insya-Allah dengan Ilmu serta tunjuk ajar yang dicurahkan kepada saya, saya akan memanfaatkan sepenuhnya sehingga peringkat pengajian yang seterusnya. Disamping itu juga akan saya terus mengamalkan ilmu-ilmu yang diberikan dalam kehidupan saya bukan sahaja dalam bidang pengajian malah dalam kehidupan seharian juga akan saya praktikan dalam kehidupan seharian.

Sekian, terima kasih

Muhammad Amir Afham bin Rozi

13 Februari 2024

3 Syaaban 1445H

## KANDUNGAN

### KANDUNGAN

PENGESAHAN TESIS  
 PENGHARGAAN  
 KANDUNGAN  
 SENARAI RAJAH  
 SENARAI GAMBAR  
 ABSTRAK  
 ABSTRACT

HALAMA	
N	
i	
ii	
iii	
vii	
viii	
xii	
xiii	

#### **Bab 1: Pendahuluan**

1.0 Pengenalan Bab	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Batasan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Metodologi Kajian	9
1.6.1 Reka Bentuk Kajian	9
1.6.2 Kaedah Kajian	9
1.6.3 Kerangka Teori	10
1.7 Organisasi Kajian	11
1.8 Kesimpulan Bab	12

#### **Bab 2: Sorotan Kajian Lepas**

2.0 Pengenalan Bab	13
2.1 Sorotan Kajian Berkaitan Psikologi	13
2.2 Sorotan Kajian Berkaitan filem Bukit Kepong	16
2.3 Sorotan Kajian Berkaitan Teori Kecerdasan Emosi	17
2.4 Kesimpulan Bab	21

#### **Bab 3: Metodologi Kajian**

3.0 Pengenalan Bab	22
3.1 Reka Bentuk Kajian	23
3.2 Kaedah Dan Analisis Kajian	23
3.3 Kaedah Perpustakaan	24
3.4 Kaedah Internet	24
3.5 Analisis Kandungan Filem	24
3.6 Teori Kecerdasan Emosi	25
3.7 Kerangka Teori	26
3.8 Kesimpulan	27

<b>Bab 4: Analisis Dan Dapatan Kajian</b>	
<b>4.0 Pengenalan Bab</b>	<b>28</b>
<b>4.1 Unsur-Unsur Psikologi Dalam Filem Bukit Kepong</b>	<b>28</b>
Arahan Jins Shamsudin	
4.1.1 Perasaan Takut	28
4.1.2 Perasaan Berani	31
4.1.3 Perasaan Sedih	34
4.1.4 Perasaan Risau	36
4.1.5 Perasaan Lega	38
4.1.6 Perasaan Cemas	39
4.1.7 Perasaan Ragu	43
<b>4.2 Kesan-Kesan Psikologi Terhadap Pelajar Jesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.</b>	<b>44</b>
<b>4.2.1 Demografi Responden</b>	<b>44</b>
A) Jantina	44
B) Umur	45
C) Bidang Elektif	47
<b>4.2.2 Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik Tentang Pemahaman Psikologi</b>	<b>48</b>
A) Adakah Anda Mengetahui Apa Itu Psikologi?	48
B) Adakah Anda Mengetahui Jenis-Jenis Psikologi?	49
C) Adakah Psikologi Itu Boleh Mempengaruhi Individu Lain?	51
D) Adakah Psikologi Itu Boleh Memberikan Kesan Positif Kepada Diri?	52
E) Adakah Penting Bagi Kita Untuk Mengenali Jenis-Jenis Psikologi Yang Wujud Dalam Diri?	53
<b>4.2.3 Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik Tentang Maklum Balas Responden Tentang Kesan Psikologi Dalam Filem Bukit Kepong.</b>	<b>55</b>
A) Apakah perasaan anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak melalui klip video 1?	55
B) Berdasarkan klip video 2, adakah perasaan berani yang terdapat dalam watak orang-orang kampung itu mempengaruhi emosi anda?	57
C) Berdasarkan klip video 3, adakah watak kanak-kanak tersebut mempengaruhi emosi anda?	59

D) Berdasarkan klip video 4, apakah emosi anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak anggota polis itu?	61
E) Apakah emosi anda apabila anda mendapat berita baik?	63
F) Adakah watak-watak anggota polis yang diserang hendap itu mempengaruhi perasaan cemas anda?	64
G) Adakah perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis tersebut mempengaruhi emosi anda?	66
H) Berdasarkan filem Bukit Kepong, adakah filem tersebut mempengaruhi psikologi diri anda	68

#### Bab 5: Kesimpulan

5.0 Pengenalan Bab	71
5.1 Kesimpulan Kajian	71
5.2 Cadangan Kajian	73
5.2.1 Cadangan Kepada Peranan Industri	73
5.2.2 Cadangan Kepada Pengkaji Lain	73
5.2.3 Cadangan Kepada Peranan Kerajaan	74
5.2.4 Cadangan Kepada Masyarakat	74
5.3 Penutup	75
Rujukan	76
	141
	135
	136
	138
	140
	142

## SENARAI RAJAH

KANDUNGAN	HALAMAN
<b>Bab 1</b>	
Rajah 1: Kerangka Teori Kecerdasan Emosi	10
<b>Bab 3</b>	
Rajah 2: Kerangka Teori Kecerdasan Emosi	26
<b>Bab 4</b>	
Rajah 1: Pecahan Peratusan Demografi Responden Mengikut Jantina	45
Rajah 2: Pecahan Demografi Mengikut Umur (Tahun)	46
Rajah 3: Pecahan Demografi Mengikut Bidang Elektif	47
Rajah 4: Pecahan Demografi Mengikut Pemahaman Responden Tentang Pemahaman Psikologi.	49
Rajah 5: Pecahan Demografi Pengetahuan Reponden Berkaitan Jenis-Jenis Psikologi	50
Rajah 6: Pecahan Demografi Responden Mengikut Adakah Psikologi Itu Boleh Mempengaruhi Individu Lain?	51
Rajah 7: Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Psikologi Itu Boleh Memberikan Kesan Positif Kepada Orang Lain	53
Rajah 8: Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Penting Bagi Kita Untuk Mengenali Jenis-Jenis Psikologi Yang Wujud Dalam Diri	54
Rajah 9: Demografi Responden Berkaitan Apakah Perasaan Anda Apabila Anda Berada Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Melalui Klip Video 1	56
Rajah 10: Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Berani Yang Terdapat Dalam Watak Orang-Orang Kampung Mempengaruhi Emosi anda	58
Rajah 11: Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak Kanak-Kanak Tersebut Mempengaruhi Emosi Anda	60
Rajah 12: Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Berada Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Anggota Polis Itu	62
Rajah 13: Pecahan Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Mendapat Berita Baik	64
Rajah 14: Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak-Watak Anggota Polis Yang Diserang Hendap Itu Mempengaruhi Perasaan Cemas Anda	66
Jadual 15: Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Ragu Yang Dibawa Oleh Watak Anggota Polis Tersebut Mempengaruhi Emosi Anda	67

Rajah 16: Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adaka Filem  
Tersebut Mempengaruhi Psikologi Diri Anda

69

### SENARAI GAMBAR

KANDUNGAN	HALAMAN
Gambar 1: Tangkap layar yang memaparkan watak orang kampung sedang mesyuarat kerana takut akan serangan komunis	29
Gambar 2: tangkap layar yang memaparkan salah seorang isteri anggota polis sedang berdoa kerana takut terhadap serangan penganas komunis di balai polis	30
Gambar 3: tangkap layar yang memaparkan orang-orang kampung yang berani menentang penganas komunis apabila terserempak	30
Gambar 4: tangkap layar yang memaparkan keberanian isteri anggota polis yang turut serta dalam menentang penganas komunis	30
Gambar 5: tangkap layar yang memaparkan anggota polis yang berani menentang penganas komunis	33
Gambar 6: tangkap layar yang memaparkan watak isteri-isteri anggota polis yang lari keluar daripada balai apabila musnah dibakar penganas komunis	35
Gambar 7: tangkap layar yang memaparkan seorang kanak-kanak yang sedang menangis kerana ibu dan adiknya meninggal kerana dibunuh oleh penganas komunis	36
Gambar 8: tangkap layar yang memaparkan anggota polis mempunyai rasa risau dalam diri apabila melihat gelagat yang orang penganas yang menyamar sebagai orang kampung	37
Gambar 9: tangkap layar yang memaparkan satu mesyuarat yang dijalankan oleh penduduk kampung telah mendatangkan perasaan lega kepada mereka	38
Gambar 10: tangkap layar yang memaparkan situasi cemas anggota polis apabila diserang hendap oleh penganas komunis	40
Gambar 11: tangkap layar yang memaparkan rumah salah sorang anggota polis terbakar apabila diserang oleh penganas komunis	41
Gambar 12: tangkap layar yang memaparkan anggota polis sedang melihat tanda-tanda yang pelik di sekitar kampung sehingga mendatangkan rasa ragu dalam diri beliau	42

Analisis Filem Bukit Kepong: Kesan Kecerdasan Emosi Terhadap Pelajar  
Kesusasteraan Warisan Di Universiti Malaysia Kelantan

### **Abstrak**

Filem bermaksud media tunggal atau kandungan hiburan multimedia untuk diedarkan atau dipamerkan kepada orang ramai melalui sebarang cara dan media dalam sebarang format media digital, filem atau pita video. Filem juga boleh didefinisikan sebagai salah satu karya sastera yang berkait rapat dengan suatu akal pemikiran seseorang itu sama ada dari segi keindahan, keseronokan dan sebagainya. Filem Bukit Kepong merupakan salah satu filem dokumentasi yang berdasarkan dengan kisah benar yang berlaku dalam negara Malaysia iaitu tragedi bukit kepong pada tahun 1982. Filem ini mengisahkan kehidupan anggota polis Bukit Kepong dalam perjuangan mereka menentang gerila Parti Komunis Malaya. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem Bukit Kepong dan menganalisis kesan-kesan psikologi terhadap penonton. Hasil kajian ini mendapati bahawa filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin mempunyai unsur-unsur psikologi dan hasil kajian ini juga mendapati filem ini mampu mempengaruhi emosi pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

**Kata Kunci:** Filem adaptasi, Kecerdasan Emosi, Psikologi

UNIVERSITI  
KELANTAN

*Analysis Of The Movie Bukit Kepong: The Effect Of Emotional Intelligence On  
Heritage Literature Students At The University Malaysia Kelantan*

*Abstract*

*Film means a single media or multimedia entertainment content to be distributed or displayed to the public through any means and media in any digital media format, film or video tape. Film can also be defined as one of the works of literature that are closely related to a sense of one's mind, whether in terms of beauty, pleasure and so on. Bukit Kepong is a documentary film based on the true story that happened in Malaysia. The film shows the life of policeman in Bukit Kepong on their struggle against the Malaya Communist Party. The purpose of this study is to identify the psychological elements that are present in Bukit Kepong and to analyze psychological effects on the audience. The results of this study found that the film directed by Jins Shamsudin had psychological elements and the results of the study also found that the film was able to influence the emotions of students who study Heritage Literature at the University Malaysia Kelantan.*

**Keywords:** *Film adaptation, Emotional Intelligence, Psychology*

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Filem bermaksud media tunggal atau kandungan hiburan multimedia untuk diedarkan atau dipamerkan kepada orang ramai melalui sebarang cara dan media dalam sebarang format media digital, filem atau pita video. Filem juga dikenali sebagai drama atau "gambar bergerak," ialah satu siri imej bergerak yang ditunjukkan pada skrin, biasanya dengan bunyi, yang membentuk cerita. Filem juga mempunyai beberapa genre antaranya genre dokumentari, filem eksperimen, filem animasi, dan genre fiksyen. Menurut Adi Pranajaya (1998) menjelaskan bahawa sesebuah filem yang dihasilkan oleh pengkarya mempunyai pelbagai fungsi dan filem juga merupakan satu cerminan sesebuah masyarakat. Filem juga boleh didefinisikan sebagai salah satu karya sastera yang berkait rapat dengan suatu akal pemikiran seseorang itu sama ada dari segi keindahan, keseronokan dan sebagainya.

Jins Shamsudin atau nama sebenar beliau adalah Mohamed Jin Bin Shamsudin merupakan seorang pengarah dan pelakon terkenal tanah air. Beliau merupakan anak kelahiran perak iaitu Kampung Batu 10, Taiping, Perak. Beliau telah banyak memberikan jasa dalam industri seni perfilman tanah air. Antara filem beliau yang mendapat sambutan ketika itu adalah filem pratriotisme yang berkaitan dengan sejarah Malaysia iaitu Filem *Bukit Kepong*. Beliau juga merupakan seorang yang mendapat sentuhan daripada Tan Sri P. Ramlee dalam menghasilkan sesebuah filem itu. Beliau mula menceburi bidang lakonan ini dari tahun 50-an lagi. Pada tahun 1956 Jins Shamsudin

merupakan seorang siswazah daripada universiti Senior Cambrige. Beliau juga mempunyai PhD dari Universiti Utara Malaysia. Beliau mendapat gelaran sebagai legenda tanah air kerana walaupun beliau sudah meninggalkan dunia seni perfileman ini beliau tetap gigih dalam menyumbang tenaganya dalam industri perfileman Melayu.

Filem *Bukit Kepong* merupakan salah satu filem dokumentasi yang berdasarkan dengan kisah benar yang berlaku dalam negara Malaysia iaitu tragedi bukit kepong pada tahun 1982. Filem ini mengisahkan kehidupan anggota polis Bukit Kepong dalam perjuangan mereka menentang gerila Parti Komunis Malaya selepas mereka menyerbu balai polis sebelum subuh.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

semasa Darurat Malaya 1948-1960. Filem ini merupakan sebuah filem arahan Jins Shamsudin dan beliau juga turut membintangi filem ini. Filem ini menceritakan tentang anggota polis dan masyarakat tempatan berjuang dalam menentang komunis pada tahun 1950. Peristiwa ini melibatkan 19 anggota polis yang berjuang mempertahankan bukit kepong daripada serangan komunis dan kesemua wira tersebut telah terkorban. Filem arahan Jins Shamsudin ini menunjukkan semangat juang yang sedikit pun tidak terhakis dalam jiwa kesemua anggota polis negara walaupun mereka berdepan dengan komunis dengan berskala besar. Mereka tetap mempertahankan negara tersebut sehingga titisan darah yang terakhir. Filem *Bukit kepong* ini dihasilkan dengan melalui fakta-fakta sejarah yang sudah tercatat.

Psikologi ialah kajian saintifik tentang minda dan tingkah laku terhadap seseorang. Psikologi juga dapat ditakrifkan sebagai bidang yang luas dan pelbagai yang merangkumi kajian pemikiran manusia, perkembangan, keperibadian, emosi, motivasi dan lain-lain. Menonton sesebuah filem itu sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan unsur-unsur psikologi. Hal ini dikatakan filem dan unsur psikologi ini mempunyai hubungan rapat ia dapat dijelaskan setiap filem yang ditayangkan tersebut kita akan memerhati tingkah laku dan perasaan manusia yang perlbagai dan akan mempengaruhi individu tersebut.

Oleh itu, kajian ini memberi fokus terhadap bagaimana filem *Bukit Kepong* ini dapat menyampaikan kesan psikologi terhadap penonton dan masyarakat. Perjuangan dan sejarah yang terdapat dalam filem ini sememangnya dapat mempengaruhi minda dan emosi mereka yang menjawai filem ini.

## 1.1 Permasalahan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian berdasarkan filem *Bukit Kepong* dalam meneiliti unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem ini. Oleh itu kajian ini akan meniliti dan merungkai setiap isi jalan cerita *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin tentang unsur-unsur psikologi dalam karya tersebut.

Seterusnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan adakah filem yang dikaji ini iaitu filem *Bukit Kepong* merupakan sebuah filem yang sama seperti kehidupan masyarakat sekitar seperti yang dijelaskan oleh Adi Pranajaya (1998) yang mentakrifkan setiap sesebuah filem yang dihasilkan oleh pengkarya mempunyai pelbagai fungsi dan merupakan satu cerminan bagi kehidupan sesebuah masyarakat.

kajian ini juga dilakukakan adalah untuk meneliti adakah filem *Bukit Kepong* ini dapat mempengaruhi minda dan kelakuan penonton dan masyarakat di negara ini. Disamping itu akan menjelaskan unsur-unsur psikologi dalam filem ini yang akan mempengaruhi penonton dan juga masyarakat sama ada dalam aspek emosi dan motivasi atau lain-lain.

## 1.2 Persoalan Kajian

Berikut adalah tiga persoalan kajian yang dijadikan perbincangan dalam penelitian kajian ini antaranya:

1. Apakah unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin.
2. Bagaimanakah penerapan unsur psikologi watak-watak dalam filem *Bukit Kepong* Arahan Jins Shamsudin terhadap pelajar kesusasteraan warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

## 1.3 Objektif Kajian

Berikut adalah tiga objektif utama kajian yang dijadikan perbincangan dalam penelitian kajian ini antaranya:

1. Mengenal pasti unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin.
2. Menganalisis penerapan unsur psikologi watak-watak dalam filem *Bukit Kepong* terhadap pelajar kesusasteraan warisan melalui teori kecerdasan emosi.

#### 1.4 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* karya Jins Shamsudin. Unsur-unsur psikologi yang dikaitkan adalah unsur psikologi terhadap penonton dan masyarakat. Kajian ini menekankan unsur psikologi yang dilepaskan oleh watak-watak yang terdapat dalam filem sehingga ia dapat mempengaruhi penonton dan masyarakat terhadap filem ini.

Teori kecerdasan emosi yang berada dibawah teori psikologi yang dibawa oleh Daniel Goleman digunakan dalam kajian ini bagi meneliti secara spesifik tentang unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* ini. Teori kecerdasan emosi ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat dikaitkan dengan unsur psikologi dalam filem ini malah ia akan digunakan secara lebih mendalam bagi melihat bagaimana ia memdatangkan unsur psikologi ini dalam diri penonton dan masyarakat.

Watak-watak yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* akan dijadikan fokus utama kepada kewujudan unsur-unsur psikologi kepada penonton dan masyarakat. Kajian ini tidak hanya melihat kepada seorang watak utama sahaja, malah watak-watak lain juga akan difokuskan. Watak-watak yang difokuskan dalam filem ini adalah watak Anggota polis dan watak orang kampung kerana watak-watak ini memainkan peranan penting dalam filem *Bukit Kepong*. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah berdasarkan unsur-unsur psikologi yang diperlihatkan oleh semua watak dalam filem *Bukit Kepong* ini.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini penting kerana ia akan membuka sebuah lembaran baharu dalam kajian mengenai filem-filem tempatan yang dihasilkan oleh Jins Shamsudin seperti filem *Bukit Kepong*. Pembikinan filem *Bukit Kepong* ini amat penting untuk semua golongan masyarakat supaya mendalami dan mengamati isi kandungan filem ini kerana ia merupakan sebuah cerita berkenaan dengan sejarah negara yang boleh dijadikan pengajaran dan pedoman dalam kehidupan masyarakat malah, ia mampu memberikan kesan psikologi dalam kehidupan masyarakat era moden ini.

Seterusnya, pengkaji juga mahu menyampaikan kepada masyarakat bahawa sesebuah filem yang dihasilkan tersebut seperti filem *Bukit Kepong* ini mampu memberikan pengajaran dan kesan psikologi yang mendalam kepada mereka yang mengamati dan meniliti terhadap sesebuah filem yang dihasilkan. Psikologi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah unsur psikologi yang mempunyai nilai-nilai positif. Hal ini dikatakan demikian kerana filem ini banyak intipati-intipati yang boleh dijadikan iktibar dan mempengaruhi diri masyarakat dan penonton di era pmodenan ini.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga adalah bertujuan untuk menjadikan hasil kajian ini sebagai rujukan ilmiah untuk pengkaji dalam mengkaji sesebuah filem yang ada dalam negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini sangat penting untuk membantu mereka yang mengkaji sesebuah filem dengan memperhebatkan cara mereka untuk meneliti dan mendalami sesebuah filem dan boleh dijadikan rujukan kepada penulis-penulis luar berkaitan dengan kajian ini.

Seterusnya, kajian ini juga penting adalah kerana ia akan menjadi sumber penambahan tentang kajian bidang kesusasteraan. Hal ini adalah disebabkan penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan sastera mempunyai jumlah yang sedikit. Secara tidak langsung, ia menjadi satu perkara yang membimbangkan terutamanya kepada generasi baru untuk mencari maklumat berkaitan dengan bidang kesusasteraan. Oleh itu, kepentingan kajian ini adalah sebagai satu sumber penambahan makumat dalam bidang kesusasteraan.



## 1.6 Metodologi Kajian

### 1.6.1 Reka Bentuk Kajian


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah pengumpulan data dan analisis kajian. Kaedah pendekatan ini adalah sesuai kerana kajian yang dilakukan ini memerlukan tinjauan untuk mengumpul maklumat dan bertanyakan soalan terhadap individu yang hendak dikaji dan Segala bentuk pengumpulan data sama ada dokumen-dokumen atau sebaliknya adalah diperoleh daripada sumber internet iaitu Google Scholar.

### 1.6.2 Kaedah Kajian

Kajian ini juga dilakukan dengan menggunakan teori kecerdasan emosi kerana ia berkait rapat dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan psikologi. Dengan menggunakan teori ini ia dapat membantu pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji dengan menggunakan ciri-ciri dalam teori tersebut ke dalam kajian psikologi dalam filem *Bukit Kepong* tersebut. Daniel Goleman (1999), motivasi kendiri merujuk kepada kecenderungan emosi dalam membimbing atau memudahkan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Seseorang yang ingin mencapai matlamat akan mendorong dirinya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai perkara yang dihajati

Kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan bagi memperoleh maklumat-maklumat dengan kajian yang dilakukan. Kaedah ini juga digunakan adalah supaya kajian yang dijalankan ini dapat dilakukan secara terperinci malah maklumat-maklumat yang diperoleh melalui kaedah perpustakaan ini adalah maklumat yang betul.

### 1.6.3 Kerangka Teori



Rajah 1: Kerangka Teori Kecerdasan Emosi

## 1.7 Organisasi

Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam bab 1 adalah membincangkan tentang pengenalan kepada unsur-unsur psikologi, pengertian filem, biodata pengarah dan sinopsis ringkas kepada filem *Bukit Kepong* arahan Jins Samsuddin. Bab 1 juga membincangkan tentang permasalahan kajian dan objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini berserta skop kajian iaitu menggunakan teori psikologi iaitu kecerdasan emosi. Disamping itu juga, dalam bab ini juga menyatakan kepentingan kajian yang ingin disampaikan pengkaji disamping itu juga metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif.

Pada bab 2, pengkaji telah merujuk sorotan kajian yang dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kajian berkaitan dengan psikologi, kajian berkaitan dengan filem bukit kepong dan kajian berkaitan dengan teori kecerdasan emosi.

Bab 3 menceritakan tentang reka bentuk kajian yang digunakan iaitu kuantitatif, kaedah kepustakaan, kaedah internet dan kaedah anilisi visual iaitu pemerhatian filem.

Bab 4 membincangkan tentang unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem bukit kepong dan kesan-kesan psikologi terhadap pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan yang dapat dikaitkan dengan teori kecerdasan emosi.

Akhir sekali, bab 5 merupakan kesimpulan dan cadangan untuk pihak-pihak tertentu.

## 1.8 Kesimpulan Bab

Kesimpulannya, kajian terhadap unsur-unsur psikologi dalam watak-watak filem *Bukit Kepong* dapat mempengaruhi penonton dan masyarakat. Dalam kajian ini ia memberi penekanan terhadap unsur-unsur psikologi dalam sesebuah filem yang dihasilkan tersebut kerana filem yang mempunyai kesan psikologi yang kuat kepada penonton dan masyarakat merupakan sebuah filem yang Berjaya.

Teori kecerdasan emosi dan pendekatan kuantitatif yang digunakan ini telah membuktikan bahawa ia dapat membantu pengkaji untuk meneliti dan menganalisis unsur-unsur psikologi terhadap penonton dalam filem *Bukit Kepong* ini. hal ini dapat dijelaskan lagi teori kecerdasan emosi ini mempunyai saling perkaitan dengan unsur-unsur psikologi yang dikaji. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif ini digunakan sangat memberangsangkan kerana ia dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan file mini.

Oleh itu, jelaslah bahawa filem *Bukit Kepong* karya Jins Shamsudin ini merupakan filem yang hebat kerana filem ini dapat memberikan kesan psikologi kepada penonton dan masyarakat. Diharapkan karya-karya seperti ini akan dijadikan panduan oleh pengkarya-pengkarya lain supaya filem yang dihasilkan tersebut menjadi filem yang berkualiti kepada penonton.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang sorotan kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana. Sorotan kajian lepas yang disenaraikan ini merupakan kajian yang meliputi tesis dan jurnal yang terkandung dalam enjin carian seperti Google Scholar. Sorotan kajian lepas ini telah dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk menjalakan kajian ini. Sorotan kajian tersebut terbahagi kepada 3 pecahan iaitu kajian berkaitan Psikologi, kajian tentang filem *Bukit Kepong* dan kajian berkaitan dengan kajian berkaitan dengan teori kecerdasan emosi.

#### 2.1 Kajian Berkaitan Psikologi

Menurut Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2001, ms 1) menjelaskan bahawa setiap ilmu psikologi itu bergerak sebagai kajian mengenai fungsi-fungsi sebuah kehidupan seperti daya ingatan, penggunaan Bahasa, pemikiran, emosi, motif, pembelajaran, kelakuan dan sebagainya. Menurut Aristotle psikologi mempunyai dua istilah iaitu psyche yang mentakrifkan sebagai suatu intipati kehidupan termasuk dalam Bahasa sehari-hari kita. Manakala Logos pula membawa maksud sains atau ilmu. Psikologi juga dapat difahami dengan hal berkaitan dengan ilmu atau sains yang meneliti dan menganalisis jiwa. Walaupun begitu, erti psikologi dikonsepkan dengan lebih khusus iaitu psikologi mentakrifkan sebuah bidang ilmu yang meneliti dan mengkaji tingkah laku dan minda manusia.

Seterusnya, menurut Noraini Ahmad (1994) beliau menjelaskan bahawa setiap manusia itu mempunyai sifat ingin tahu, sifat ini tahu ini adalah sesuatu hal yang didorong untuk mengetahui dengan lebih mendalam. Naluri Ingin tahu yang kuat dalam diri seseorang itu akan menimbulkan perasaan minat terhadap sesuatu. Minat juga dapat dikuatkan juga dengan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari seseorang tersebut.

Seterusnya, menurut Kasmini Kasim (1998) menjelaskan setiap filem aksi yang dihasilkan perlu menghadirkan kesan atau unsur psikologi terhadap penonton yang melihat, kesan psikologi sama ada dari segi emosi atau sebaliknya yang dapat ditangkap oleh penonton merupakan satu kejayaan kepada sebuah filem dan pengarah filem tersebut, Emosi ditakrifkan sebagai perasaan yang mempunyai perkaitan diantara psikologi dan emosi ini dapat dilihat melalui pergerakan badan atau perkataan yang dilakukan oleh penonton. Jelas Kasmini Kasim (1998) juga bahawa psikologi mempunyai tiga komponen iaitu persaan dalam, rangsangan, penonjolan.

Selain itu, menurut Muhammad Affendi (2016) menjelaskan bahawa psikologi dan dunia kesusasteraan adalah merupakan bidang yang seling mempunyai perkaitan malah ia tidak dapat dipisahkan, jelasnya juga hal tersebut adalah disebabkan psikologi dan dunia kesusasteraan adalah merupakan bidang yang membahaskan tentang manusia dan juga kehidupan sehari-hari seseorang tersebut.

Haryati Abdul Karim (2014) dalam kajian yang bertajuk faktor gratifikasi dalam penontonan filem dan kaitannya dengan sambutan audiens. Dalam kajian tersebut menyatakan setiap filem yang dihasilkan tersebut mestilah dapat memerikan kesan psikologi kepada penonton bagi memberikan kepuasan kepada penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana kepuasan yang diberikan terhadap penonton akan

mempengaruhi tingkah laku dan psikologi penonton sama ada dari segi perasaan dan sebagainya. Kesan psikologi ini sangat penting kerana ia mempu mengubah kehidupan seseorang individu itu kepada kehidupan yang lebih baik.

Pupu Saeful Rahmat (2021) dalam buku yang bertajuk psikologi pendidikan menyatakan psikologi membawa maksud jiwa manusia dan tingkah laku. psikologi atau psyche yang berarti jiwa dan pula membawa maksud ilmu. Menurut morgan (1986) psikologi merupakan ilmu yang mempengaruhi perilaku manusia secara langsung dan juga tidak langsung. Psikologi ini juga merupakan ilmu ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan akal fikiran setiap insan yang bergelar manusia. Psikologi mampu mengawal mental manusia untuk kearah lebih baik malah ia akan mendorong seseorang itu akan berfikir sebelum bertindak melakukan seusatu perkara yang baik atau sebaliknya.

Seterusnya, Sham, F. M. (2015) dalam kajian yang bertajuk Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja. Kajian tersebut menyatakan setiap tingkah laku yang indin dilakukan oleh setiap individu memerlukan kemahiran psikologi dalam melaksanakan apa-apa sahaja. Psikologi juga merupakan satu kemahiran dalam komunikasi. Semakin meningkat umur seseorang individu tersebut akan mengalami perubahan fizikal, mental dan emosi. Hal sedemikian akan dipengaruhi oleh psikologi bagi membantu aktiviti tumbesaran manusia. Semakin meningkat kitar umur manusia itu dikatakan akan mempengaruhi mental dan tingkah laku secara tidak langsung psikologi ini memainkan peranan penting bagi setiap manusia untuk meneruskan kehidupan.

Seterusnya, menurut Nurul Hazirah binti Supie dalam kajiannya tentang peranan galeri darurat Bukit Kepong dalam membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pelawat. Kajian yang dilakukan oleh beliau berfokuskan kepada semangat

nasionalisme dalam filem bukit kepong, manakala saya pula mengkaji tentang unsur psikologi yang terdapat dalam filem bukit kepong. Nasionalisme dan Psikologi mempunyai hubungan yang tidak jauh berbeza dan mempunyai saling perkaitan. Nasionalisme disini membawa maksud perasaan cinta akan kepada bangsa dan negara atau satu gerakan membebaskan tanah air. Psikologi pula merupakan proses mental dan fikiran yang mempengaruhi tingkah laku dan komunikasi seseorang manusia.

## 2.2 Kajian Berkaitan Filem Bukit Kepong

Selain itu, Rosnaini Haji. Mahmud dalam kajiannya berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam filem bukit kepong dan penggunaan filem dalam pengajaran menjelaskan bukit kepong adalah merupakan salah satu peperangan yang sangat menghayatkan hati kerana ramai anggota polis yang terkorban dalam dalam peperangan tersebut dalam menentang komunis seramai beberapa anggota polis dan orang awam yang turut terkorban dalam peperangan tersebut. Pengorbanan mereka amat lah besar bagi negara kerana semangat mempertahankan negara dan maruah anggota polis di bukit kepong tidak dapat dilupakan.

Che Abdullah Che Ya dan Mohammad Rodzi Abd Razak (2019) dalam kajiannya yang bertajuk Menelusuri Elemen Sejarah dalam Novel. Kajian tersebut menyatakan bahawa Bukit kepong merupakan peristiwa hitam yang berlaku dalam sejarah negara apabila serangan komunis menyerang balai polis bukit kepong. Serangan ini telah memberikan kesan psikologi kepada masyarakat dalam negara. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1950 dan merupakan zaman darurat yang terjadi di Tanah Melayu (1948-1960). Kajian ini juga bertujuan melihat hubungan sastera dengan sejarah khususnya

dalam novel yang bercorakkan sejarah. Kajian terhadap filem bukit kepong ini adalah memaparkan sejarah baik secara tersurat ataupun secara tersirat yang memerlukan penelitian yang mendalam kerana ia terlibat dengan psikologi terhadap seseorang individua taupun masyarakat.

Zaharin, Z., Nordin, J., Mohd Salleh, M. N., & Abdul Samad, M. H. (2022). Dalam kajian yang bertajuk tinjauan insiden-insiden kes serangan ke atas bangunan-bangunan balai Polis Diraja Malaysia – pencerobohan ke atas bangunan keselamatan. Satu serangan menjelang subuh berlaku secara besar-besaran yang melibatkan beberapa ratus pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) ke atas balai polis Bukit kepong. Pada tahun 1950 di Johor. Peristiwa tersebut memperlihatkan pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) telah membunuh hampir kesemua anggota polis yang bertugas Ketika itu. Serangan tersebut bukan sahaja mengorbankan anggota polis malah serangan tersebut telah mengorbankan anak dan isteri anggota polis Ketika itu. Menurut Dr Azhar Wahid (2003) pengganas PKM telah Menyerang Balai Polis Kuala Krau di Temerloh pada tahun 1948 telah menyebabkan sebilangan anggota polis dan isteri anggota polis yang hamil turut terkorban. Perkara tersebut telah menggalkan kesan psikologi yang mendalam kepada masyarakat sehingga ke hari ini peristiwa tersebut tidak dapat dilupakan.

### 2.3 Kajian Berkaitan Teori Kecerdasan Emosi

Selain itu, Ely Manizar Hm (2016) dalam kajiannya yang bertajuk mengelola Kecerdasan emosi, beliau menjelaskan setiap manusia itu mempunyai emosi yang secara amnya dimiliki sejak lahir dan berkembang dengan sesuai dengan lingkungannya.

Kecerdasan emosi akan menyebabkan setiap manusia itu akan menjadikan mereka seorang yang berkualiti dan hebat dalam kehidupan mereka. Manusia yang ingin mengenal diri sendiri adalah dengan mengetahui emosi diri, mengawal emosi diri dan bermotivasiikan diri sendiri. Malah beliau juga menjelaskan bahawa walaupun seseorang itu mempunyai kecerdasan IQ yang tinggi namun begitu, orang tersebut tidak menjamin diri seseorang tersebut itu akan berjaya sekiranya mereka tidak mampu mengawal emosi.

Selain itu, Noorhafeza Herliani Adey dan Ferlis Hj. Bahri (2010) dalam kajian terhadap Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. Dalam kajian tersebut mereka menjelaskan bahawa kecerdasan emosi seseorang itu menjadi aspek penting kepada sesebuah organisasi malah menjadikan seseorang itu akan menjadi lebih berkualiti. Dalam kajian yang dilakukan tersebut juga menyatakan manusia itu berkait rapat dengan hubungan kecerdasan emosi dalam meneruskan kehidupan dan ia akan memberikan kesan positif sekiranya manusia itu dapat mengawal emosi yang baik. Kecerdasan emosi ini bertindak sebagai psikologi terhadap seseorang dalam melakukan keputusan dalam kehidupan.

Seterusnya, menurut Andang Andaiyani Binti Ahmad dan Abdul Said Bin Ambotang (2020) dalam kajian yang bertajuk Pengaruh Kecerdasan Emosi, Kecerdasan Spiritual dan Persekutaran Keluarga Terhadap Stres Akademik Murid Sekolah Menengah. Dalam kajian tersebut turut menyatakan kajian lepas yang dilakukan dapat membuktikan bahawa kecerdasan emosi dapat mempengaruhi emosi setiap manusia terutamanya dalam membantu mengurangkan tahap tekanan mental dan juga depresi. Staski dan cartwright (2002) menusia yang mempunyai nilai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai kelebihan iaitu kadar stress dalam kehidupan adalah rendah malah ia akan

menggambarkan seseorang itu lebih terurus. Kecerdasan emosi perlu ada dalam setiap diri individu bagi menangani kehidupan.

Menurut Hamizatun Akmal Md Yusof (2012) dalam kajiannya yang bertajuk Perkembangan Kecerdasan Emosi Kanak-Kanak Prasekolah Bermasalah Pendengaran: Implikasinya terhadap ibubapa. Menurut Goleman (1999) kecerdasan emosi merupakan salah satu syarat bagi keberkesanan kecerdasan intelek. Emosi yang terganggu dalam mental akan menyebabkan kecerdasan intelek tidak akan berfungsi dengan baik. Emosi yang stabil dalam setiap diri individu akan menjadikan mereka berkeyakinan dalam berinteraksi. Kecerdasan emosi merupakan kebolehan individu tersebut untuk mengurus dan mengenal pasti emosinya sendiri.

Seterusnya, Nazira, N. A., Mahbob, M. H., Jamri, M. H., Hassan, M. S., Rani, N. S. A., & Khairuddin, K. (2022) dalam kajian yang bertajuk Kepentingan Kecerdasan Emosi: Suatu Pemerhatian Awal. Dalam kajian tersebut menyatakan kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menghadapi masalah tekanan emosi dalam pembangunan manusia. Hal tersebut adalah disebabkan kecerdasan emosi merupakan satu kesejahteraan kendiri buat setiap manusia dalam mempengaruhi keputusan dan Tindakan seseorang itu dalam kehidupan malah emosi juga merupakan komponen yang penting dalam mendatangkan kebaikan kepada manusia itu dalam membuat keputusan. Kecerdasan emosi juga mempunyai kebolehan untuk meningkatkan prestasi pemikiran setiap individu tersebut.

Chong, O. S., Mahamod, Z., & Yamat, H. (2016). Menjelaskan bahawa kecerdasan emosi membolehkan seseorang individu itu untuk berfikiran kreatif dan mampu bertindak dengan lebih rasional terhadap apa yang dilihat, difahami dan didalami dalam diri

mereka. Menurut Goleman (1996) kecerdasan emosi itu akan mengenali dan menilai persaan diri individu atau orang lain supaya dapat bertindak secara lebih baik. Kecerdasan emosi juga merupakan kesempuraan akal untuk berfikir, kepandaian, dan juga kepintaran. Menurut Salovey dan Mayer (1990) kecerdasan emosi ialam kemampuan, dan kebolehan seseorang itu mengawal perasaan sendiri dan juga boleh memahami perasaan orang disekeliling mereka.

Misbah, M. (2017) dalam kajian yang bertajuk Hubungan Tahap Pelaksaan Solat Fardu dan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar DiDaerah Johor Bahru. Kajian tersebut menyatakan bahawa kecerdasan emosi merupakan salah satu cara untuk seseorang individu itu memahami diri mereka sendiri yang mempengaruhi diri mereka kearah yang lebih positif. Kecerdasan emosi ini juga merujuk kepada bagaimana seseorang tersebut mampu mengawal hati mereka untuk mengenal diri mereka sendiri. Menurut Hee (2014) beliau menyatakan bahawa jika seseorang individu itu mahu mencapai kejayaan dalam kehidupan bukan ditentukan oleh kecerdasan intelektual malah kecerdasan emosi juga akan diambil kira.

Gim, C. S., & Nor, R. M. (2012) dalam kajian yang betajuk Kecerdasan Emosi dan Hubungan dengan Perilaku dan Prestasi Akademik pelajar sekolah Menengah di Bachok, Kelantan. Melalui isi kandungan dalam kajian tersebut ada menyatakan bahawa kajian tentang kecerdasan emosi masih kurang dilakukan dalam sistem Pendidikan di Malaysia. Kecerdasan emosi ini mampu mengurangkan stress dan tingkah laku agresif seseorang individu tersebut. Selain itu, kecerdasan emosi juga boleh berkembang seiring dengan proses pembelajaran setiap individu itu. Menurut Goleman (1996) kecerdasan emosi membolehkan seseorang itu untuk memahami perasaan diri mereka sendiri dalam

membuat keputusan yang tepat dalam aktiviti kehidupan sehari-hari. Kebolehan kecerdasan emosi yang tinggi dikatakan mampu mendorong seseorang itu mengawal perasaan sedih, marah, kecewa dan sebagainya.

Sauki, N. A., & Husin, S. (2011) dalam kajian yang bertajuk Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Penguasaan Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. Kajian tersebut menyatakan kejayaan individu itu berkait rapat dengan seseorang yang mempunyai minda yang tinggi. Kecerdasan emosi melibatkan dua kemahiran iaitu kemahiran asas dan juga kemahiran untuk mengenal diri sendiri. Seseorang individu yang mempunyai kemampuan berkaitan dengan kecerdasan emosi akan membuatkan diri mereka mempunyai keupayaan dan kekuatan jati diri yang kukuh, bukan sahaja diri sendiri malah mereka yang mempunyai kecerdasan emosi ini juga mampu memahami perasaan orang lain.

#### **2.4 Kesimpulan Bab**

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas yang ditemui di enjin-enjin arian seperti Google Scholar telah mewujudkan tiga peahan sorotan kajian berdasarkan kajian yang dikaji. Sorotan kajian ini telah membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan sahih berkaitan dengan Psikologi, filem Bukit Kepong dan juga teori kecerdasan emosi. Oleh itu, sorotan kajian yang disenaraikan tersebut telah membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian tesis ini.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini adalah berkenaan dengan metodologi kajian yang digunakan bagi mengumpul maklumat dan informasi tentang tajuk Analisis Watak-watak Dalam Filem Bukit Kepong: Kesan Psikologi Terhadap Pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan yang akan dikaji secara lebih mendalam dan terperinci. Menurut Ang Kean Hua (2016) menyatakan bahawa metodologi merupakan satu kaedah yang digunakan bagi memperoleh dan mengumpul data dan maklumat terhadap permasalahan kajian yang dilakukan. Malah, metodologi kajian tersebut mempunyai tiga bahagian iaitu proses perancangan, proses aplikasi dan juga proses analisis.

Seterusnya, pengkaji telah memilih satu kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam kajian bagi mengumpul data dan maklumat dengan pelbagai kaedah yang bersesuaian bagi melengkapkan hasil kajian yang dijalankan. Bab ini juga pengkaji membincangkan tentang bentuk kajian yang digunakan dan bab ini juga dilakukan adalah untuk menghuraikan bagaimana hasil kajian ini dapat dilaksanakan melalui maklumat dan data yang diperoleh. Pengkaji akan mengemukakan beberapa bahagian dalam bab ini. Bahagian-bahagian adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori yang digunakan dan juga kerangka teori.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah untuk memperoleh maklumat dan data yang berketepatan supaya pengkaji mendapat maklumat dan data yang sahih dan benar. Menurut Ang Kean Hua (2016) menyatakan bahawa Reka bentuk kajian boleh dibawa maksud sebagai perancangan yang boleh menentukan cara sesebuah penyelidikan itu dapat dijalankan dan untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan kajian. Reka bentuk kajian boleh dipecahkan kepada iaitu kajian eksperimental dan bukan experimental iaitu memerlukan tinjauan terhadap kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif bagi memperoleh maklumat yang tepat bagi melancarkan proses kajian yang dijalankan. Oleh demikian kerana pendekatan kuantitatif lebih sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana pengkaji memerlukan maklumat yang benar dan sahih.

### 3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai kaedah pengumpulan data dan analisis kajian. Kaedah pendekatan ini adalah sesuai kerana kajian yang dilakukan ini memerlukan tinjauan untuk mengumpul maklumat dan bertanyakan soalan terhadap individu yang hendak dikaji. kajian yang dijalankan oleh pengkaji bertajuk Analisis Watak-watak Dalam Filem Bukit Kepong: Kesan Psikologi Terhadap Pelajar Jesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Oleh hal demikian kajian tersebut memerlukan kaedah pemerhatian, temubual dan soal selidik terhadap responden. Pengkaji juga menggunakan kaedah-kaedah lain seperti kaedah perpustakaan dan juga kaedah internet.

### **3.3 Kaedah Perpustakaan**

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh beberapa maklumat dan sumber berkaitan dengan kajian perpustakaan. Kaedah ini digunakan adalah untuk menambahkan sumber tambahan kepada pengkaji untuk memperkuatkan lagi analisis kajian yang dijalankan. Seterusnya, maklumat-maklumat yang diperoleh tersebut dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian yang dijalankan tersebut akan lebih terperinci. Oleh itu, kaedah perpustakaan juga memainkan peranan penting kepada pengkaji bagi menjalankan kajian yang dilakukan

### **3.4 Kaedah Internet**

Kaedah Internet ini digunakan oleh pengkaji dalam memperoleh setiap maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Peningkatan zaman yang semakin hari semakin moden ini telah membantu ramai pengkaji dalam menyiapkan kajian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana keadaan internet ini menjadikan perkongsian sesuatu maklumat tersebut akan lebih pantas dan mudah. Dengan kemudahan yang tersedia pengkaji memanfaatkan kaedah tersebut supaya kajian yang dijalankan tersebut akan lebih terperinci. Maklumat-maklumat yang diakses tanpa sempadan tersebut telah membantu pengkaji dalam melengkapkan data-data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

### **3.5 Analisis Kandungan Filem**

Seterusnya adalah kaedah pemerhatian filem, kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang


dilakukan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada filem yang telah diadaptasi daripada kisah benar yang terjadi dalam negara iaitu filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsuddin. Melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap filem tersebut mempunyai pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kesan psikologi terhadap masyarakat yang mampu membantu pengkaji bagi menjalankan kajian tersebut. Malaui kaedah ini juga filem yang diadaptasi ini, pengkaji juga dapat melihat bahawa pentingnya sesebuah karya sastera dalam sesebuah kehidupan.

### **3.6 Teori Kecerdasan Emosi**

Kajian ini menggunakan teori kecerdasan emosi digunakan dalam kajian yang bertajuk *Analisis Watak-watak Dalam Filem Bukit Kepong: Kesan Psikologi Terhadap Pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan*. Teori tersebut dipelopori oleh Daniel Goleman (1995). Pada peringkat awal Daniel Goleman menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “The Emotional Intelligence” pada tahun 1995 yang telah menyebabkan bidang berkaitan dengan psikologi semakin terkenal dalam kalangan pengkaji. Kecerdasan emosi ini terdiri daripada perasaan (sedih, marah), semangat, mengenali diri dan kemampuan memotivasi diri. Penggunaan teori kecerdasan emosi ini akan memperlihatkan perkembangan dan pertumbuhan akhlak manusia.

### 3.7 Kerangka Teori

Tujuan kerangka kajian ini adalah untuk memberikan gambaran secara keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.



Rajah 2: Kerangka Teori Kecerdasan Emosi

### 3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab tiga ini merangkumi reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori pilihan dan kerangka teorikal. Selain itu, Kaedah kuantitatif juga telah digunakan oleh pengkaji iaitu memerlukan soal selidik daripada responden yang dipilih iaitu pelajar kesusasteraan warisan university Malaysia Kelantan. Seterusnya penkaji juga telah menggunakan beberapa kaedah lain seperti kaedah internet, perpustakaan dan juga kaedah pemerhatian terhadap filem yang telah dipilih. Seterusnya, dalam melaksanakan kajian ini pengkaji telah menggunakan teori Kecerdasan emosi yang telah dipelopori oleh Daniel Goleman pada tahun 1995, pemilihan teori ini adalah untuk membantu pengkaji dalam menyelesaikan tugas kajian ini.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Pada bahagian ini adalah memfokuskan kepada analisis dan dapatan kajian yang menjadi tunjang utama bagi menjadikan kajian ini mencapai objektif yang telah ditetapkan. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) berpandangan bahawa sastera dan psikologi adalah dua bidang yang saling berkaitan dan tidak dapat dipisahkan kerana kedua-dua bidang ini membicarakan tentang manusia dan kehidupannya. Melalui kajian ini pengkaji menerangkan dan menghurai mengenai unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin. Pengkaji memfokuskan kepada watak-watak dan peristiwa yang mempunyai unsur-unsur psikologi dan pengkaji dapat mengenal pasti beberapa unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* iaitu perasaan takut, berani, sedih, risau, lega, cemas dan ragu. Terdapat beberapa kesan psikologi yang melibatkan kesan dari aspek perasaan yang telah dikenalpasti dan terkandung di dalam filem tersebut. Kesan-kesan psikologi berkenaan dibinangkan lebih lanjut seperti berikut.

#### 4.1 Unsur-Unsur Psikologi Dalam Filem *Bukit Kepong* Arah Jins Shamsudin

##### 4.1.1 Perasaan Takut

Menurut penyelidikan psikologi perasaan takut adalah perkataan yang kita gunakan untuk menggambarkan reaksi emosi kita terhadap sesuatu yang kelihatan berbahaya yang boleh mengancam diri kita atau diri orang lain dalam erti kata lain perasaan takut ini adalah situasi yang membuatkan mereka berasa tidak selamat. Menurut Nordiana Hamzah dan

Azhar Wahid (2017) menjelaskan bahawa perasaan takut membawa maksud perasaan tidak rasional, berlebihan dan ketakutan yang berulang-ulang dalam satu-satu situasi. Watak, gaya bahasa dan latar memainkan peranan bagi menggambarkan perasaan takut. Ketakutan adalah salah satu emosi manusia yang paling asas dan ia adalah sesuatu yang semua orang alami sepanjang kehidupan mereka. Walaupun secara tradisinya dianggap sebagai emosi "negatif", ketakutan sebenarnya memainkan peranan penting dalam memastikan kita selamat kerana ia menggerakkan kita untuk menghadapi potensi bahaya. Oleh itu pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa babak yang berkait dengan perasaan takut yang terdapat dalam filem bukit kepong.



Gambar 1: Tangkap layar yang memaparkan watak orang kampung sedang mesyuarat kerana takut akan serangan komunis

Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit ke 9:05

Dalam gambar 1 tersebut pengkaji mendapati satu unsur psikologi iaitu perasaan takut yang dialami oleh penduduk kampung dalam filem Bukit Kepong pada minit ke 9:05. Babak tersebut memaparkan penghulu dan penduduk kampung yang bersama pihak kerajaan mengadakan mesyuarat berkenaan pengganas komunis. Perbincangan mensyuarat tersebut berkaitan dengan penduduk kampung yang menyuarakan kegusaran mereka

terhadap serangan komunis yang semakin menjadi-jadi dikampung mereka sehingga menakutkan keluarga mereka untuk keluar dari rumah. Selain itu, mereka juga takut sekiranya akan terjadi perkara-perkara yang tidak diingini kepada mereka kerana tidak mempunyai banyak pos kawalan dikawasan mereka. Oleh itu, pengkaji meneliti babak tersebut dan pengkaji dapat memastikan ia merupakan satu unsur psikologi iaitu perasaan takut yang akan membantu pengkaji menjalankan kajian ini.



Gambar 2: tangkap layar yang memaparkan salah seorang isteri anggota polis sedang berdoa kerana takut terhadap serangan penganas komunis di balai polis

Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit ke 48:41

Seterusnya, pengkaji mendapati perasaan takut juga terdapat dalam babak lain iaitu pada babak awal balai polis diserang oleh penganas komunis pada minit 48:41. Psikologi perasaan takut tersebut dapat dilihat pada watak salah seorang isteri anggota polis yang baru sahaja selesai daripada menuaikan solat lalu memohon doa daripda Allah s.w.t untuk memberikan mereka perlindungan daripada segala mara bahaya malah perasaan takut tersebut dapat dilihat daripada mimik wajahnya. Doa memohon perlindungan daripada Allah s.w.t dan juga mimik muka yang resah pada watak isteri anggota polis tersebut telah

meyakinkan pengkaji bahawa babak tersebut adalah merupakan salah satu unsur psikologi iaitu perasaan takut. Berdasarkan contoh yang diberikan, jelaslah bahawa watak-watak yang terdapat di dalam filem berkenaan menunjukkan perasaan takut melalui pancaran mimik wajah mereka semasa melakonkan watak masing-masing. Menurut Nordiana Hamzah dan Azhar wahid (2017) beliau menjelaskan bahawa emosi takut itu terjadi pada bahagian anggota badan seperti pernafasan menjadi lebih pantas, raut wajah, anak mata menjadi besar dan degupan jantung menjadi laju. Oleh itu, terbukti bahawa perasaan takut merupakan salah satu aspek psikologi yang dapat dikesan di dalam filem *Bukit Kepong*.

#### **4.1.2 Perasaan Berani**

Keberanian adalah suatu sikap yang ditunjukkan oleh seseorang yang memutuskan untuk melakukan sesuatu yang sukar atau berbahaya walaupun perkara tersebut boleh mengundang risiko, mereka juga mampu menunjukkan keberanian walaupun mereka mungkin takut. Setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang sama ketika berhadapan dengan bahaya atau risiko ia dikenali sebagai berani. menurut Dilla Haryunah (2023) keberanian seseorang yang mempunyai prinsip hidupnya sendiri tanpa mempedulikan harapan orang lain terhadap dirinya dan tidak menjadikan hidup orang lain sebagai taraf hidupnya. Menurut Aristotle pula, keberanian bergantung pada pertimbangan yang wajar, kerana ia perlu diketahui sama ada penghujungnya membenarkan risiko yang ditanggung. Keberanian adalah perantaraan antara rasa takut dan terlalu yakin. Perasaan berani ini juga adalah kesediaan untuk bertindak balas tanpa rasa takut. Sikap berani membolehkan kita untuk mengambil peluang, dan mendapatkan apa yang kita inginkan daripada sekeliling kehidupan kita. perasaan berani dalam kehidupan kita akan membantu kita untuk bertindak balas dengan sewajarnya. Oleh itu, pengkaji dapat mengesan beberapa unsur psikologi yang

berkaitan dengan perasaan berani yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong*. Antaranya dapat dilihat melalui tangkap layar yang berikut:



Gambar 3: tangkap layar yang memaparkan orang-orang kampung yang berani menentang pengganas komunis apabila terserempak

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit ke 7:29

berdasarkan gambar 3 di atas pengkaji mendapati babak yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* pada minit yang ke 7:29 tersebut memperlihatkan salah satu unsur psikologi iaitu berkait dengan perasaan berani. Dalam babak tersebut memperlihatkan beberapa orang penduduk kampung yang berani bertindak menentang pengganas komunis ketika bertemu di sebuah jambatan. Sikap keberanian yang ditonjolkan oleh penduduk kampung tersebut telah berjaya membunuh dua orang pengganas komunis. Oleh hal demikian, pengkaji mendapati babak tersebut merupakan salah satu unsur psikologi yang berkaitan dengan sikap atau perasaan berani yang terdapat di dalam filem berkenaan. Antaranya dapat dilihat melalui tangkap layar yang berikut:




Gambar 4: tangkap layar yang memaparkan keberanian isteri anggota polis yang turut serta dalam menentang pengganas komunis

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit ke 1:21:12

Seterusnya, pengkaji mendapati unsur psikologi yang berkaitan dengan persaan berani juga terdapat pada babak lain iaitu pada babak balai polis bukit kepong diserang oleh pengganas komunis pada minit 1:21:12. Babak tersebut memaparkan seorang isteri anggota polis iaitu Fatimah yang menunjukkan keberaniannya untuk mengangkat senjata dan cuba untuk melindungi seorang pegawai yang berpangkat sarjan. Keberanian Fatimah untuk turut menentang pasukan pengganas komunis ini juga disebabkan oleh keinginannya untuk menuntut bela keatas kematian suaminya yang ditembak oleh pengganas. Oleh itu, pengkaji mendapati babak seorang wanita yang berani untuk turut serta dalam perang tersebut merupakan satu unsur psikologi yang boleh diambil dalam menjalankan kajian yang dilakukan.

Selain itu, sifat berani juga dapat dikesan di dalam filem *Bukit Kepong* melalui peristiwa anggota polis yang berani untuk menentang pengganas walaupun didesak oleh pengganas untuk menyerah. Peristiwa tersebut dapat dilihat di dalam tangkap layar babak berikut.



Gambar 5: tangkap layar yang memaparkan anggota polis yang berani menentang pengganas komunis

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit 1:38:08

Selain itu. Menurut gambar 5 diatas terdapat satu babak yang juga merupakan unsur psikologi berkaitan dengan keberanian anggota polis. Pada minit 1:38:08 itu merupakan satu babak yang memaparkan seorang anggota polis yang berpangkat sarjan yang berani dengan pendiriannya untuk mempertahankan balai polis bukit kepong walaupun ramai anggota polis yang telah terkorban. Beliau tetap melaungkan bahawa “kami orang-orang polis tidak akan menyerah diri” selepas didesak oleh penganas komunis untuk menyerah kalah. Keberanian yang ditonjolkan oleh sarjan tersebut telah menjadi bukti bahawa beliau dan anggota lain berani untuk mempertahankan kedaulatan walau apa pun yang akan terjadi. Oleh itu. Pengkaji mendapati babak tersebut merupakan suatu unsur psikologi yang berkaitan dengan keberanian.

#### **4.1.3 Perasaan Sedih**

Kesedihan adalah emosi yang dialami oleh semua orang yang kadangkala disebabkan oleh peristiwa. Kesedihan juga merupakan gangguan emosi yang biasanya mempunyai sebab yang jelas, seperti kehilangan orang yang disayangi, kegagalan dalam sesuatu yang penting, atau matlamat yang tidak berjaya. Perkara yang mungkin seseorang itu alami. Semua orang kadang-kadang berasa sedih. Kita juga mungkin berasa sedih atas sebab yang tertentu dan berbeza. Setiap orang yang mempunyai hati mungkin pernah mengalami perubahan besar dalam hidup atau peristiwa yang mengecewakan. Kesedihan juga boleh mengubah perasaan seseorang secara emosi antaranya sebak, pemarah, bosan atau kecewa. Kesedian adalah tindak balas semula jadi terhadap situasi yang melibatkan psikologi. Kesedihan dapat dilihat melalui tingkah laku seperti menangis, menangis teresak-esak, murung dan sebagainya. Seseorang Individu yang berasa sedih selalunya dapat mengenal pasti punca kesedihan mereka, oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti unsur psikologi perasaan sedih

yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong*. Melalui filem berkenaan, terdapat beberapa babak atau peristiwa yang dapat menggambarkan aspek psikologi berkaitan dengan perasaan sedih. Perkara ini bakal dibincangkan dengan pengemukaan beberapa contoh daripada filem. Antaranya adalah melalui tangkap layar yang berikut:



Gambar 6: tangkap layar yang memaparkan watak isteri-isteri anggota polis yang lari keluar daripada balai apabila musnah dibakar pengganas komunis

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit ke 1:38:35

Menurut gambar 6 diatas dapat dibahaskan bahawa terdapat unsur psikologi perasaan sedih yang dapat dilihat pada minit 1:38:52. Pada babak tersebut memperlihat isteri-isteri anggota polis membawa anak-anak mereka berlari keluar dari balai polis sambil menangis untuk menyelamatkan diri mereka. Kesedihan mereka bukan sahaja disebabkan kebakaran *Bukit Kepong* malah kesedihan yang mereka lalui adalah kematian suami mereka semasa menentang pengganas komunis. kesedihan mereka merupakan emosi yang berkait dengan psikologi. Oleh itu, pengkaji mendapati kesedihan yang terdapat dalam babak tersebut merupakan salah satu unsur psikologi.

Selain itu, aspek psikologi yang melibatkan perasaan sedih juga dapat dikesan berdasarkan peristiwa seorang kanak-kanak yang sedang menangis yang dapat dilihat di dalam tangkap layar babak berikut.



Gambar 7: tangkap layar yang memaparkan seorang kanak-kanak yang sedang menangis kerana ibu dan adiknya meninggal kerana dibunuh oleh pengganas komunis

Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit: 1:20:26

Pada minit 1:20:26 filem Bukit Kepong memaparkan seorang kanak-kanak yang selamat ketika diserang oleh pengganas komunis. Berdasarkan babak tersebut watak kanak-kanak yang dikenali sebagai Fatimah menangis apabila dipanggil oleh seorang pegawai yang berpangkat sarjan. Fatimah berkata “Mak dan adik dah mati” sambil menangis sehingga menyebabkan pegawai tersebut terkejut. Tangisan watak kanak-kanak tersebut menjelaskan bahawa ia merupakan satu emosi psikologi yang menggambarkan kesedihan.

#### 4.1.4 Perasaan Risau

Setiap orang mempunyai perasaan risau dan khawatir dalam diri mereka. Perkara seperti itu boleh berlaku bila-bila masa sahaja. Kebimbangan yang berlaku sekali-sekala merupakan reaksi biasa terhadap ketidakpastian tentang perkara yang akan berlaku dalam kehidupan. Perasaan risau ini adalah bahagian normal dalam kehidupan seseorang yang mempunyai mental yang sihat. Menurut Syarul Heiry Yahaya da. Norazah Umar (2022) menjelaskan perasaan risau iaitu keadaan di mana seseorang mempunyai perasaan yang kurang terhadap

sesuatu yang boleh memberi ancaman dari norma biasa kehidupan. Keadaan ini adalah kesedaran bagi individu supaya lebih bersedia menghadapi kebimbangan. Perasaan risau adalah perasaan tidak senang atau terlalu mengambil berat tentang situasi atau masalah yang dihadapi oleh individu atau orang lain yang berada disekeliling mereka. Salah satu sebab untuk diri kita merasa risau terhadap sesuatu adalah untuk kita bersedia secara emosi dan fizikal dalam menghadapi perkara-perkara yang tidak baik berlaku kepada kita. Perasaan risau ini juga dikelaskan sebagai psikologi kerana ia melibatkan emosi seseorang individu tersebut. Oleh itu, perasaan risau ini telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji dalam meneliti unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong*



Gambar 8: tangkap layar yang memaparkan anggota polis mempunyai rasa risau dalam diri apabila melihat gelagat yang orang pengganas yang menyamar sebagai orang kampung

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit 40:36

Gambar 8 diatas merupakan babak filem *bukit kepong*. Pada minit 40:36 memparkan seorang anggota polis sedang mengambil laporan palsu yang dibuat oleh dua orang berbangsa cina. Semasa anggota polis tersebut mengambil keterangan oleh mereka berdua, anggota tersebut dapat mengesan sesuatu yang pelik apabila dia melihat tangkah laku salah seorang berbangsa cina tersebut. Selepas beliau mengambil keterangan dua orang tersebut beliau terus melaporkan perkara tersebut kepada pegawai dan menyatakan bahawa dia tidak

sedap hati melihat gerak geri Tuck Sai dan kawannya yang pelik itu. secara tidak langsung peristiwa ini menimbulkan perasaan risau dalam kalangan anggota-anggota polis pada malam itu. oleh itu, babak tersebut mempunyai unsur-unsur psikologi berkaitan dengan perasaan risau yang mempunyai perkaitan rapat dengan aspek psikologi dan seterusnya memenuhi keperluan berkaitan dengan objektif kajian ini.

#### 4.1.5 Perasaan Lega

Perasaan lega dapat digambarkan dengan suatu emosi seseorang individu berasa berasa tenang dan gembira kerana sesuatu yang sukar atau tidak menyenangkan telah dipermudahkan. Jika seseorang individu tersebut berasa lega, sudah tentu mereka berasa gembira kerana sesuatu yang tidak menyenangkan dapat diatasi dengan suatu cara. Menurut Ria Maria (2020) menjelaskan bahawa perasaan lega itu merupakan harapan daripada fikiran negatif kepada perasaan yang positif. Kelegaan adalah merujuk kepada psikologi kerana ia berkait dengan emosi seseorang. Kelegaan dapat dilihat melalui fizikal seseorang tersebut melalui keluhan atau gaya yang mereka paparkan dalam situasi-situasi yang tertentu. Perasaan lega ini kebiasaannya akan dikaitkan dengan perasaan gembira kerana ia membawa psikologi yang hampir sama. Kelegaan berlaku apabila perasaan bimbang dan tekanan hilang.



Gambar 9: tangkap layar yang memaparkan satu mesyuarat yang dijalankan oleh penduduk kampung telah mendatangkan perasaan lega kepada mereka

Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit 11:37

Seterusnya, unsur psikologi iaitu persaan lega dapat dilihat pada minit 11:37. Babak tersebut merupakan satu pertemuan penduduk kampung dan pihak polis bertemu dengan wakil daripada pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung apabila kampung mereka sering diserangan oleh penganas komunis. Perkara tersebut telah menimbulkan perasaan kurang senang dalam kalangan penduduk. Pertemuan dengan pihak kerajaan tersebut telah mendatangkan perasaan lega dalam kalangan penduduk kampung dan anggota polis apabila pihak kerajaan bersetuju untuk menu buhkan pos-pos kawalan dan juga menu buhkan unit kawalan keselamatan (AP) dikawan kampung Bukit Kepong. Secara tidak langsung dengan penubuhan unit kawalan keselamatan tersebut telah mendatangkan kelegaan kepada penduduk kampung tersebut. Oleh itu, pengkaji mendapat kelegaan tersebut adalah merupakan suatu emosi yang berkait dengan unsur-unsur psikologi yang membolehkan pengkaji untuk meneruskan kajian yang dilakukan.

#### 4.1.6 Perasaan Cemas

Cemas dapat didefinikan sebagai suatu perasaan gelisah atau bimbang. Setiap individu sememangnya mempunyai perasaan cemas dalam diri mereka. Perasaan ini akan datang kedalam diri seseorang itu apabila mereka berada dalam sesuatu situasi yang gentir atau membahayakan diri mereka. Setiap keadaan boleh memberi kesan kepada keupayaan kita untuk menguruskan perasaan dan emosi kita. Menurut Jarnawi (2020) Kebimbangan dan kegelisahan adalah perasaan bercampur yang mengandungi ketakutan dan kebimbangan

tentang masa depan tanpa sebarang sebab tertentu. Cemas ini timbul daripada tindak balas tekanan yang berlaku akibat daripada kejadian luar biasa yang datang secara tiba-tiba dan tidak dapat diramalkan,. perkara tersebut akan menyebabkan mangsa bertindak balas dengan melawan atau mlarikan diri. Setiap orang akan mengalami perasaan cemas dalam kehidupan mereka. Perasaan cemas dapat dilihat pada tindak balas individu tersebut sama ada dari bentuk fizikal atau emosi. Melalui fizikal seseorang individu tersebut akan melakukan apa-apa sahaja untuk menyelamatkan diri mereka atau diri orang lain. Dari segi emosi pula kita dapat lihat dari segi perasaan mereka sama ada menangis atau sebaliknya. Perasaan cemas ini merupakan unsur psikologi kerana ia melibatkan perasaan dan tindak balas seseorang tersebut apabila berhadapan dengan sesuatu. Oleh itu, dalam filem bukit kepong ini pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa unsur psikologi berkaitan dengan perasaan cemas yang dapat dibahas oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini.



Gambar 10: tangkap layar yang memaparkan situasi cemas anggota polis apabila diserang hendap oleh pengganas komunis

Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit 1:40

Melalui gambar 10 tersebut pada minit 1:40 memaparkan anggota keselamatan dalam perjalanan ke Bukit Kepong dengan menaiki bot. semasa dalam perjalanan, mereka terpaksa berhadapan dengan situasi yang genting apabila mereka diserang hendap oleh

pasukan penganas komunis. Hal tersebut telah mencemaskan anggota keselamatan yang secara tidak langsung bertindak untuk menyelamatkan diri mereka dengan menggunakan senjata yang disediakan. Secara tidak langsung situasi cemas yang dihadapi oleh anggota polis dalam babak tersebut merupakan unsur psikologi berkaitan dengan perasaan cemas. Perasaan cemas tersebut menepati ciri-ciri apabila dilihat dari segi fizikal dan emosi anggota-anggota polis.



Gambar 11: tangkap layar yang memaparkan rumah salah sorang anggota polis terbakar apabila diserang oleh penganas komunis  
Sumber: filem Bukit Kepong (1981), minit 15:20

Seterusnya, situasi cemas juga dapat dilihat dalam babak minit yang ke 15:20. Babak tersebut memperlihatkan orang-orang kampung cemas apabila rumah salah seorang anggota keselamatan (AP) telah diceroboh oleh penganas komunis sehingga menyebabkan berlaku kebakaran. Secara tidak langsung penduduk kampung bertindak melepaskan tembakkan kearah penganas komunis sebelum memadamkan kebakaran. Situasi cemas juga dapat dilihat pada watak anggota keselamatan (AP) yang memberitahu pasukan-pasukannya apabila terdengar jeritan meminta tolong dan segera bergerak ke rumahnya. Oleh hal demikian, pengkaji meneliti dan dapat mengenal pasti bahawa dalam babak tersebut mempunyai unsur-unsur psikologi yang dapat dilihat pada watak-watak penduduk kampung

dan anggota keselamatan (AP) berada dalam situasi cemas semasa serangan pengganas komunis dan kebakaran sebuah rumah.

#### 4.1.7 Perasaan Ragu

Perasaan ragu dapat dideinisikan sebagai psikologi yang berkaitan dengan emosi seperti syak wasangka, was-was, ragu-ragu dan lain lagi. Menurut Mohd Zahir Bin Abdul Rahman (2018) beliau menjelaskan bahawa perasaan ragu tersebut adalah perasaan tidak selesa, syak atau was-was. perkara tersebut merupakan satu elemen yang normal bagi manusia. Perasaan ragu ini adalah perkara biasa untuk mengalami perasaan ragu-ragu apabila kita berhadapan dengan situasi baharu atau mencabar. Kebiasaan perasaan ragu ini juga boleh disebabkan oleh pengalaman seseorang individu tersebut. Keraguan pada tahap emosi adalah ketidakpastian antara kepercayaan dan tidak percaya. Ia mungkin melibatkan ketidakpastian ketidakpercayaan apabila beradapan dengan sesuatu situasi. Oleh hal demikian, pengkaji mendapat terdapat satu babak yang mempunyai unsur psikologi yang berkait dengan perasaan ragu dalam filem *Bukit Kepong* yang dapat dikesan melalui babak berikut.



Gambar 12: tangkap layar yang memaparkan anggota polis sedang melihat tanda-tanda yang pelik di sekitar kampung sehingga mendatangkan rasa ragu dalam diri beliau

Sumber: filem *Bukit Kepong* (1981), minit 35:26

gambar diatas merupakan tangkap layar daripada babak filem *Bukit Kepong* pada minit yang 35:26 yang memperlihatkan anggota polis yang sedang melakukan rondaan di sekitar kawasan kampung bukit kepung telah menjumpai beberapa tanda yang sangat mencurigakan. Tanda-tanda yang pelik tersebut telah menimbulkan tanda tanya dan meragukan anggota polis tersebut. Anggota polis segera pulang ke balai dan memaklumkan kepada pegawai bahawa dia menjumpai beberapa tanda pelik yang telah membawa keraguan kepada beliau. Oleh itu, melalui babak tersebut pengkaji mendapati bahawa watak anggota polis yang ragu-ragu dengan penemuan tanda pelik tersebut merupakan satu unsur psikologi yang berkaitan dengan keraguan. Secara tidak langsung perkara tersebut akan membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Berdasarkan huraian yang telah dikemukakan, ternyata bahawa filem *Bukit Kepong* adalah sebuah filem yang begitu sarat dengan unsur psikologi yang menggambarkan pelbagai bentuk perasaan. Unsur-unsur berkenaan dipancarkan dengan begitu jelas melalui peranan watak dan peristiwa-peristiwa penting yang terdapat di dalam filem tersebut. Sehubungan itu, pemaparan hujahan yang diberikan telah menjawab kepada objektif pertama kajian iaitu untuk mengenal pasti unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong*.

## 4.2 Kesan-Kesan Psikologi Terhadap Pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

Bab ini memberi fokus kepada analisis kajian dan dapatan kajian yang menjadi tunjang utama bagi menjadikan kajian ini mencapai objektif yang ditetapkan. Melalui kajian ini pengkaji menganalisi kesan-kesan psikologi terhadap pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan yan terdapat dalam filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin dengan menggunakan kaedah soal selidik yang telah disediakan melalui ‘Google Form’. Pada bahagian ini akan memaparkan hasil soal selidik mengenai kajian yang telah dijalankan terhadap responden. Kaedah soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian, pada bahagian pertama adalah demografi responden, Keputusan analisis data dan dapatan kajian. Melalui kaedah soal selidik yang telah dijalankan ini pengkaji dapat mengulaskan tentang data yang telah dianalisis tersebut.


### 4.2.1 Demografi Responden

#### A) Jantina

Pada bahagian demografi responden ini ia melibatkan aspek jantina, umur dan bidang elektif. Demografi responden ini akan memperlihatkan lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden dalam bentuk jadual dan juga gambar rajah.

**Jadual 1:** Demografi Responden Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah	Peratusan
Lelaki	11	36.7 %
Perempuan	19	63.3 %



**Rajah 1:** Pecahan Peratusan Demografi Responden Mengikut Jantina


Hasil dapatan kajian menunjukkan seramai 30 responden telah menjawab soal selidik yang telah disediakan melalui ‘google form’ yang telah disediakan. Seramai 11 orang pelajar lelaki yang mewakili 36.7 % manakala seramai 19 orang Perempuan yang mewakili 63.3 % dalam menjawab soalan kaji selidik ini. Namun begitu, perbezaan jumlah jantina antara lelaki dan perempuan dalam soal selidik ini tidak mempengaruhi kajian yang dilakukan ini.

#### B) Umur

Pada bahagian ini pula menunjukkan demografi umur responden yang menjawab soal selidik kajian ini. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden berdasarkan umur.

**Jadual 2:** Demografi Responden Mengikut Peringkat Umur

Umur (tahun)	Bilangan	Peratusan
15-20 Tahun	0	0%
21-25 Tahun	30	100%
26-30 Tahun	0	0%

**Rajah 2:** Pecahan Demografi Mengikut Umur (Tahun)

Hasil dapatan kajian melalui analisis demografi responden berdasarkan umur, seramai 30 orang responden terdiri daripada umur 21 sehingga 25 tahun yang mewakili data 100% data dalam kajian ini. Manakala umur responden dari 15 sehingga 20 tahun dan 26 sehingga 30 tahun terdiri daripada 0 yang mewakili 0%. Namun begitu, perbezaan umur dalam kalangan responden tidak akan mempengaruhi kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

### C) Bidang Elektif


Pada bahagian ini memaparkan bidang elektif yang diceburi oleh responden semasa berada di Universiti Malaysia Kelantan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden berdasarkan kepada bidang elektif yang diceburi.

**Jadual 3:** Demografi Responden Mengikut Bidang Elektif

Bidang Elektif	Jumlah	Peratusan
Kesusasteraan Warisan	30	100%
Konservasi	0	0%
Warisan Budaya	0	0%
Seni Persembahan	0	0%

**Bidang elektif**

30 responses



**Rajah 3:** Pecahan Demografi Mengikut Bidang Elektif

Hasil dapatan kajian melalui analisis demografi responden berdasarkan kepada bidang elektif yan diceburi semasa berada di Universiti Malaysia Kelantan. Berdasarkan analisis data yang diperoleh seramai 30 orang responden merupakan pelajar dari bidang Kesusasteraan Warisan yang secara tidak langsung mewakili 100 % daripada hasil dapatan. Manakala elektif Konservasi, Warisan Budaya dan Seni Persembahan mewakili 0%. Seramai 30 orang responden dalam data tersebut mempengaruhi hasil kajian yang dijalankan kerana pengkaji telah memfokuskan kajian kepada pelajar Kesusasteraan Warisan.

#### 4.2.2 Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik Tentang Pemahaman Psikologi

A) Adakah anda mengetahui apa itu psikologi?


Pada bahagian ini memperlihatkan tentang pemahaman responden tentang psikologi berdasarkan soalan yang telah diberikan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan adakah mereka mengetahui apa itu psikologi

**Jadual 4:** Demografi Responden Tentang Pemahaman Psikologi

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Adakah anda mengetahui apa itu psikologi ?

30 responses



**Rajah 4:** Pecahan Demografi Mengikut Pemahaman Responden Tentang

Pemahaman Psikologi.

Berdasarkan jadual 4 dan rajah 4, hasil dapatan kajian tersebut memaparkan tentang pemahaman responden berkaitan dengan soalan adakah mereka mengetahui ap aitu psikologi. Seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ yang mewakili 100% data tersebut. Secara tidak langsung responden yang memilih jawapan ‘Tidak’ adalah 0%. Data ini telah membantu pengkaji dalam untuk menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci.

**B) Adakah anda mengetahui jenis-jenis psikologi?**

Pada bahagian ini memaparkan tentang pemahaman responden terhadap psikologi berdasarkan persoalan yang telah diberikan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan adakah mereka


mengetahui jenis-jenis psikologi.

**Jadual 5:** Demografi Mengikut Pengetahuan Reponden Berkaitan Jenis-Jenis Psikologi

Ya atau Tidak	Bilangan	Peratusan%
Ya	25	83.3%
Tidak	5	16.7%

Adakah anda mengetahui jenis-jenis psikologi ?

30 responses



**Rajah 5:** Pecahan Demografi Pengetahuan Reponden Berkaitan Jenis-Jenis Psikologi

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang berkaitan pemahaman mereka tentang jenis-jenis psikologi. Berdasarkan jadual dan rajah 5 memaparkan seramai 25 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan secara tidak langsung telah mewakili 83.3% manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ seramai 5 orang yang mewakili 16.7%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini secara lebih terperinci.

C) Adakah psikologi itu boleh mempengaruhi individu lain?

Pada bahagian ini pula memperlihatkan tentang pemahaman responden terhadap psikologi berdasarkan persoalan yang telah diberikan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan adakah psikologi boleh mempengaruhi individu lain.


**Jadual 6:** Demografi Responden Mengikut Adakah Psikologi Itu Boleh Mempengaruhi

#### Individu Lain

Ya atau Tidak	Bilangan	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Adakah psikologi itu boleh mempengaruhi individu lain ?

30 responses



**Rajah 6:** Pecahan Demografi Responden Mengikut Adakah Psikologi Itu Boleh Mempengaruhi Individu Lain?

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang

berkaitan pemahaman mereka tentang adakah psikologi ini mampu mempengaruhi individu lain. Berdasarkan jadual dan rajah 6 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan secara tidak langsung telah mewakili 100% manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini secara lebih terperinci malah ia berkait rapat dengan penggunaan teori kecerdasan emosi yang dibawa oleh Daniel Goleman iaitu bahawa emosi bukan sahaja boleh mempengaruhi diri sendiri malah ia boleh mempengaruhi individu lain.

#### D) Adakah psikologi itu boleh memberikan kesan positif kepada diri?


Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang pemahaman responden terhadap psikologi berdasarkan persoalan yang telah diberikan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan adakah psikologi itu boleh memberikan kesan positif kepada diri sendiri.

**Jadual 7:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Psikologi Itu Boleh Memberikan Kesan Positif Kepada Orang Lain

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan %
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Adakah psikologi itu boleh memberikan kesan positif kepada diri ?

30 responses



**Rajah 7:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Psikologi Itu Boleh Memberikan Kesan Positif Kepada Orang Lain

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang berkaitan pemahaman mereka tentang adakah psikologi itu mampu memberikan kesan positif kepada diri sendiri Berdasarkan jadual dan rajah 7 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa psikologi ini mampu memberikan kesan positif kepada diri sendiri secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini secara lebih terperinci.

E) Adakah penting bagi kita untuk mengenali jenis-jenis psikologi yang wujud dalam diri?

Pada bahagian soal selidik kajian ini pula adalah tentang pemahaman responden terhadap psikologi berdasarkan persoalan yang telah diberikan. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang

bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan adakah penting bagi kita untuk mengenali jenis-jenis psikologi yang wujud dalam diri?

**Jadual 8:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Penting Bagi Kita Untuk Mengenali

Jenis-Jenis Psikologi Yang Wujud Dalam Diri

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan %
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Adakah penting bagi kita untuk mengenali jenis-jenis psikologi yang wujud dalam diri ?

30 responses

● Ya  
● Tidak

100%

**Rajah 8:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Penting Bagi Kita Untuk Mengenali Jenis-Jenis Psikologi Yang Wujud Dalam Diri

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan tentang berkaitan pemahaman mereka tentang adakah penting bagi mereka untuk mengenali jenis-jenis emosi yang

terdapat dalam diri mereka Berdasarkan jadual dan rajah 8 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa penting bagi setiap orang untuk mengenali jenis-jenis psikologi yang terdapat dalam diri mereka secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini secara lebih teliti dan terperinci.

#### **4.2.3 Dapatan Kajian Melalui Soal Selidik Tentang Maklum Balas Responden Tentang Kesan Psikologi Dalam Filem *Bukit Kepong*.**

A) Apakah perasaan anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak melalui klip video 1?

Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan Apakah perasaan anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak melalui klip video 1?


**Jadual 9:** Demografi Responden Berkaitan Apakah Perasaan Anda Apabila Anda Berada

Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Melalui Klip Video 1

Jenis psikologi	Jumlah	Peratusan%
Perasaan Sedih	0	0%
Perasaan Ragu	0	0%
Perasaan Takut	24	80%
Perasaan Berani	2	6.7%
Perasaan Risau	0	0%
Perasaan Lega	0	0%
Perasaan Cemas	4	13.3%

Apakah perasaan anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak melalui klip video 1 ?

30 responses

**Rajah 9:** Demografi Responden Berkaitan Apakah Perasaan Anda Apabila Anda Berada

Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Melalui Klip Video 1

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan tentang maklum balas kesan

psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan apakah perasaan anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak melalui klip video 1. Berdasarkan jadual dan rajah 9 memaparkan seramai 24 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan takut yang telah mewakili data sebanyak 80%. Manakala seramai 4 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan cemas yang mewakili 13.3% daripada data. Seterusnya seramai 2 orang responden telah memilih perasaan berani yang secara tidak langsung telah mewakili 6.7% daripada data. Hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan berkaitan dengan klip video tersebut telah membantu pengkaji untuk menghurai kajian ini secara lebih terperinci dan jelas malah hasil dapatan ini juga jelas dapat dilihat bahawa teori kecerdasan emosi dapat dikaitkan dengan pelajar Kesusasteraan warisan.

B) Berdasarkan klip video 2, adakah perasaan berani yang terdapat dalam watak orang-orang kampung itu mempengaruhi emosi anda?


Pada soal selidik kajian yang kedua pula adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan ‘adakah perasaan berani yang terdapat dalam watak orang-orang kampung itu mempengaruhi emosi anda?’ Melalui paparan klip video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik.

**Jadual 10:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Berani Yang Terdapat Dalam Watak Orang-Orang Kampung Mempengaruhi Emosi Anda

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Berdasarkan klip video 2, adakah perasaan berani yang terdapat dalam watak orang-orang kampung itu mempengaruhi emosi anda ?

30 responses



**Rajah 10:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Berani Yang Terdapat Dalam Watak Orang-Orang Kampung Mempengaruhi Emosi Anda

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan tentang maklum balas responden berkaitan dengan kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* Berdasarkan jadual dan rajah 10 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa perasaan berani yang terdapat dalam watak orang-orang kampung itu

mempengaruhi emosi mempengaruhi diri mereka secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan klip video yang telah disediakan secara tidak langsung telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini secara lebih teliti dan terperinci malah hasil dapatan kajian ini jelas bahawa kecerdasan emosi itu boleh mempengaruhi emosi diri terhadap sesuatu seperti yang dijelaskan oleh Daniel Goleman.

C) Berdasarkan klip video 3, adakah watak kanak-kanak tersebut mempengaruhi emosi anda?

Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan ‘adakah watak kanak-kanak tersebut mempengaruhi emosi anda?’ dalam klip video 3 yang telah disediakan dalam ‘Google Form’


**Jadual 11:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak Kanak-Kanak Tersebut

Mempengaruhi Emosi Anda

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Berdasarkan klip video 3, adakah watak kanak-kanak tersebut mempengaruhi emosi anda ?

30 responses



**Rajah 11:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak Kanak-Kanak

#### Tersebut Mempengaruhi Emosi Anda

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang maklum balas mereka terhadap kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berkaitan adakah watak kanak-kanak tersebut mempengaruhi emosi anda?" Berdasarkan jadual dan rajah 11 memaparkan seramai 30 responden telah memilih 'Ya' sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa watak kanak-kanak yang terdapat dalam klip video tersebut telah mempengaruhi diri mereka secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih 'Tidak' adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini dengan lebih mendalam dan teliti. Hasil dapatan ini juga dilihat berkait dengan teori kecerdasan emosi kerana setiap individu akan wujud pelbagai perasaan apabila berlaku sesuatu situasi dalam kehidupan mereka dan ia berketepatan dengan gagasan yang dibawa oleh Daniel Goleman dalam teori kecerdasan emosi.

D) Berdasarkan klip video 4, apakah emosi anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak anggota polis itu?


Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan ‘apakah emosi anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak anggota polis itu?’ melalui klip video 4 yang telah disediakan dalam soal selidik melalui ‘Google Form’

**Jadual 12:** Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Berada Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Anggota Polis Itu

Jenis Psikologi	Jumlah	Peratusan%
Perasaan Sedih	0	0%
Perasaan Risau	27	90%
Perasaan Takut	0	0%
Perasaan Lega	1	3.3%
Perasaan Ragu	1	3.3%
Perasaan Berani	0	0%
Perasaan Cemas	1	3.3%

Berdasarkan klip video 4, apakah emosi anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak anggota polis itu ?

30 responses



**Rajah 12:** Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Berada Dalam Situasi Yang Dihadapi Oleh Watak Anggota Polis Itu

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan tentang maklum balas kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan ‘apakah emosi anda apabila anda berada dalam situasi yang dihadapi oleh watak anggota polis itu?’. Berdasarkan jadual dan rajah 12 memaparkan seramai 27 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan risau yang telah mewakili data sebanyak 90%. Manakala terdapat 1 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan lega yang mewakili 3.3% daripada data. Seterusnya terdapat 1 orang responden telah memilih perasaan ragu telah mewakili 3.3% daripada data. Kemudian terdapat 1 orang responden telah memilih perasaan cemas yang secara tidak langsung telah mewakili 3.3% daripada data. Hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan berkaitan dengan klip video tersebut telah membantu pengkaji untuk mengurai kajian ini secara lebih jelas dan hasil dapatan yang diperoleh ini juga dapat memperjelaskan penggunaan teori kecerdasan emosi iaitu mereka akan berfikir lebih mendalam dalam

menghadapi situasi-situasi tertentu bagi mengelakkan perkara-perkara negatif yang terjadi.

E) Apakah emosi anda apabila anda mendapat berita baik?

Pada soal selidik kajian yang kedua pula adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan ‘apakah emosi anda apabila anda mendapat berita baik?’. Melalui paparan klip video yang telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik.


**Jadual 13:** Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Mendapat

Berita Baik

Jenis psikologi	Jumlah	Peratusan%
Perasaan Lega	29	96.7%
Perasaan Sedih	0	0%
Perasaan Takut	0	0%
Perasaan Berani	0	0%
Perasaan Risau	0	0%
Perasaan Ragu	1	3.3%
Perasaan cemas	0	0%

### Apakah emosi anda apabila anda mendapat berita baik ?

30 responses



**Rajah 13:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Apakah Emosi Anda Apabila Anda Mendapat Berita Baik

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden iaitu pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan tentang maklum balas kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan ‘apakah emosi anda apabila anda mendapat berita baik?’. Berdasarkan jadual dan rajah 13 memaparkan seramai 29 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan lega yang telah mewakili data sebanyak 96.7%. Manakala terdapat 1 orang responden telah memilih jenis psikologi perasaan ragu yang mewakili 3.3% daripada data. Hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan berkaitan dengan klip video tersebut telah membantu pengkaji untuk menghurai kajian ini dengan lebih sistematik dan hasil dapatan kajian ini dapat memperjelaskan penggunaan teori kecerdasan emosi iaitu seseorang yang memperoleh perkara baik dalam kehidupan seharian mereka, mereka akan bertindak dengan sesuatu yang positif seperti yang di jelaskan oleh Daniel Goleman.

F) Adakah watak-watak anggota polis yang diserang hendap itu mempengaruhi perasaan

cemas anda?

Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan ‘Adakah watak-watak anggota polis yang diserang hendap itu mempengaruhi perasaan cemas anda?’ dalam klip video 6 yang telah disediakan dalam ‘Google Form’


**Jadual 14:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak-Watak Anggota Polis Yang

Diserang Hendap Itu Mempengaruhi Perasaan Cemas Anda

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Adakah watak-watak anggota polis yang diserang hendap itu mempengaruhi perasaan cemas anda ?

30 responses



**Rajah 14:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Watak-Watak Anggota Polis Yang

## Diserang Hendap Itu Mempengaruhi Perasaan Cemas Anda

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang maklum balas mereka terhadap kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berkaitan ‘Adakah watak-watak anggota polis yang diserang hendap itu mempengaruhi perasaan cemas anda?’. Berdasarkan jadual dan rajah 14 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa watak anggota-anggota polis yang diserang hendap oleh pengganas komunis yang terdapat dalam klip video tersebut telah mempengaruhi perasaan cemas dalam diri mereka secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk mengkaji kajian ini dengan lebih mendalam dan terperinci.

G) Adakah perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis tersebut mempengaruhi emosi anda?


Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan ‘Adakah perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis tersebut mempengaruhi emosi anda?’ dalam klip video 7 yang telah disediakan dalam ‘Google Form’

**Jadual 15:** Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Ragu Yang Dibawa Oleh Watak Anggota Polis Tersebut Mempengaruhi Emosi Anda

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	28	93.3%
Tidak	2	6.7%

Adakah perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis tersebut mempengaruhi emosi anda ?

30 responses



**Rajah 15:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adakah Perasaan Ragu Yang Dibawa Oleh Watak Anggota Polis Tersebut Mempengaruhi Emosi Anda

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang maklum balas mereka terhadap kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berkaitan ‘Adakah perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis tersebut mempengaruhi emosi anda?’. Berdasarkan jadual dan rajah 15 memaparkan seramai 28 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa perasaan ragu yang dibawa oleh watak anggota polis akan mempengaruhi psikologi diri mereka melalui klip video tersebut

secara tidak langsung telah mewakili 93.9% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah seramai 2 orang yang mewakili 6.7%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan lebih sistematik dan hasil dapatan kajian ini juga dapat memperjelaskan penggunaan teori kecerdasan emosi iaitu mereka akan bertindak dengan melakukan perkara yang positif dengan menggunakan pemikiran rasional dalam diri mereka untuk melakukan apa-apa sahaja dalam menghadapi situasi-situasi tertentu hal ini dapat dilihat bahawa penggunaan teori kecerdasan emosi sememangnya berkait rapat dengan kajian yang dilakukan ini.

H) Berdasarkan filem *Bukit Kepong*, adakah filem tersebut mempengaruhi psikologi diri anda?

Pada bahagian ini pula soal selidik kajian adalah tentang maklum balas responden tentang kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berdasarkan persoalan berkaitan dengan paparan video yang telah telah disediakan melalui ‘Google Form’. Jadual dan gambar rajah yang disediakan merupakan analisis yang memaparkan secara lebih terperinci tentang bilangan dan peratusan responden yang menjawab soal selidik berkaitan dengan ‘adakah filem tersebut mempengaruhi psikologi diri anda?


**Jadual 16:** Demografi Responden Berkaitan Adaka Filem Tersebut Mempengaruhi

Psikologi Diri Anda

Ya atau Tidak	Jumlah	Peratusan%
Ya	30	100%
Tidak	0	0%

Berdasarkan filem *Bukit Kepong*, adakah filem tersebut mempengaruhi psikologi diri anda ?

30 responses



**Rajah 16:** Pecahan Demografi Responden Berkaitan Adaka Filem Tersebut Mempengaruhi Psikologi Diri Anda

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan terhadap responden tentang maklum balas mereka terhadap kesan psikologi dalam filem *Bukit Kepong* berkaitan ‘adakah filem tersebut mempengaruhi psikologi diri anda?’. Berdasarkan jadual dan rajah 16 memaparkan seramai 30 responden telah memilih ‘Ya’ sebagai pilihan sebagai tanda setuju bahawa filem sejarah Malaysia iaitu filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin telah mempengaruhi psikologi mereka secara tidak langsung telah mewakili 100% daripada perolehan data manakala bagi responden yang memilih ‘Tidak’ adalah 0 orang yang mewakili 0%. hasil dapatan kajian berdasarkan persoalan ini telah membantu pengkaji untuk menjalakan kajian ini dengan lebih mendalam dan terperinci malah hasil dapatan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa teori kecerdasan emosi sememangnya dapat digunakan malah ia berfungsi dalam menjalankan kajian ini kerana melalui hasil dapatan kajian ini jelas memperlihatkan bahawa mereka yang mempunyai pemikiran yang baik

boleh berfikir dan mengawal emosi mereka melalui minda yang positif.

Kesimpulannya, analisis yang dilakukan terhadap pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan dengan kaedah soal selidik melalui Goolge form yang telah disediakan tersebut telah memenuhi keperluan dalam objektif 2 bagi melaksanakan kajian ini.



## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dalam menyediakan kajian ini. Dalam bab ini juga, pengkaji melakukan rumusan secara keseluruhan analisis dan perbincangan kajian yang dilakukan sebelum ini. Bab lima ini, pengkaji mengetengahkan implikasi dan cadangan bagi membantu pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan serta mengisi kekosongan kajian ini pada masa akan datang.

#### 5.1 Kesimpulan Kajian

Kajian ini merupakan analisis yang berkaitan dengan teori psikologi yang dipelopori oleh Daniel Goleman yang terdapat pada filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin. Secara rumusannya, filem adaptasi daripada kisah benar adalah salah satu pendekatan yang dapat mengembangkan lagi karya-karya sastera ke dalam bentuk visual yang dapat menarik minat masyarakat tentang karya sastera. Adaptasi kisah benar ke filem telah mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera dari segi mentaliti kerana kebanyakan orang pada hari menganggap karya sastera hanyalah berdasarkan novel, cerpen, pantun dan sebagainya. Kajian ini bertujuan membuka mata dan minda masyarakat terhadap karya-karya sastera dan penting kerana adaptasi ini bertujuan memberikan hiburan kepada masyarakat secara visual.

Hasil rumusan objektif pertama melalui peristiwa bukit Kepong yang berlaku pada 23 februari 1950 yang telah diadaptasi oleh Jins Shamsudin ke dalam sebuah Filem yang bertajuk *Bukit Kepong*. Kajian ini dihasilkan bertujuan untuk mengenal pasti mengenal

pasti unsur-unsur psikologi yang terdapat dalam filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin. Setiap babak yang terdapat unsur-unsur psikologi telah dikenal pasti. Justeru itu, kajian ini telah menjawab objektif pertama dalam kajian ini.

Seterusnya, rumusan objektif kedua iaitu menganalisis kesan-kesan psikologi pelajar Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan telah membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis kesan-kesan psikologi yang dilakukan melalui soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji melalui Google Form telah membantu pengkaji untuk menganalisis kesan-kesan psikologi terhadap Pelajar Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kesan-kesan psikologi yang mempengaruhi pelajar Kesusasteraan Warisan seperti perasaan takut, berani, sedih, risau, lega, cemas dan ragu. Oleh itu, kajian ini telah menjawab persoalan dan objektif kedua dalam kajian ini.

Berdasarkan perkara tersebut, mendapati bahawa Filem *Bukit Kepong* arahan Jins Shamsudin telah memaparkan unsur-unsur psikologi yang dapat mempengaruhi penonton. Secara keseluruhan filem tersebut memaparkan watak-watak yang membawa unsur psikologi yang boleh dilihat dan dirasai oleh emosi yang stabil. Justeru, Filem Arahan Jins Shamsudin yang bertajuk *Bukit Kepong* yang adaptasi melalui peristiwa sebenar yang berlaku dalam sejarah negara telah membuka mata masyarakat terhadap karya sastera boleh diadaptasi menjadi sebuah filem seperti *Lord of The Rings* dan *Harry Potter* di negara barat dan di Malaysia sendiri mempunyai filem adaptasi seperti *Mat Kilau:Kebangkitan Pahlawan* yang diadaptasikan daripada peristiwa sejarah.

## 5.2 Cadangan Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji terasa terpanggil untuk mengetengahkan beberapa cadangan yang dapat memberikan tanggapan yang positif dan relevan untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, filem *Bukit Kepong* dapat membuka mata pelbagai pihak untuk meneruskan filem adaptasi pada masa akan datang. Justeru, beberapa cadangan yang bertepatan dan kesesuaian untuk menghasilkan filem adaptasi daripada novel ke filem. Cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

### 5.2.1 Peranan industri tempatan untuk melakukan adaptasi karya sastera

Industri tempatan memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan filem Adaptasi berkaitan dengan sejarah negara . Hal ini kerana, filem adaptasi daripada kisah benar ini mempu memberi motivasi dan inspirasi kepada generasi baharu. Secara tidak langsung, ia akan melahirkan generasi yang memahami apa itu erti sejarah negara malah ia akan memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi baharu. Selain itu juga, peranan syarikat penerbit filem tempatan seperti Skop Production haruslah berani untuk menghasilkan filem adaptasi karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, syarikat penerbit ini memainkan peranan penting dalam menaikkan karya sastera kepada tontonan umum dan sekali gus dapat mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera.

### 5.2.2 Peranan pengkaji lain untuk mengembangkan lagi kajian

Melalui kajian ini, pengkaji lain dapat menggunakan kajian ini dengan sebagai rujukan pada masa akan datang dan berharap mereka akan mengembangkan lagi kajian yang berkaitan dengan adaptasi peristiwa sejarah ke dalam filem berdasarkan karya-karya

sastera. Perkara ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pengkaji lain tentang kepentingan kajian ini pada masa akan datang. Justeru itu, kajian ini akan menjadi rujukan yang amat penting bagi mereka untuk menjalankan kajian tentang peristiwa-peristiwa sejarah negara.

### **5.2.3 Peranan kerajaan Malaysia bagi menghasilkan filem yang berkualiti**

Kerajaan Malaysia harus memainkan peranan dalam mengembangkan lagi filem adaptasi karya sastera dengan menerusi Kementerian Komunikasi dan Digital dengan memberikan dana yang secukupnya kepada syarikat-syarikat penerbit tempat untuk menghasilkan filem yang berkualiti dan memberikan galakan kepada orang muda untuk menceburi bidang profileman di Malaysia. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) memainkan peranan penting dalam membantu menghasilkan filem-filem adaptasi. Hal ini secara tidak langsung filem adaptasi dihasilkan lebih banyak berdasarkan kepada peristiwa-peristiwa yang penting dan sahih ceritanya. Disamping itu juga, FINAS juga bertanggungjawab dalam mengeluarkan filem bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman rakyat Malaysia mengenai dasar-dasar pembangunan Kerajaan Malaysia melalui profileman yang berkait dengan cerita adaptasi.

### **5.2.4 Sokongan masyarakat Malaysia terhadap filem adaptasi**

Peranan masyarakat Malaysia dalam bidang profileman adalah menjadi penonton yang aktif kepada filem tempatan. Hal ini kerana masyarakat Malaysia memainkan peranan yang penting untuk menyokong filem tempatan dengan menonton filem yang disiarkan melalui pawagam di seluruh negara. Contohnya, filem adaptasi Malaysia yang telah mendapat sambutan yang luar biasa seperti filem *Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan* (2022)

araham Syamsul Yusof telah berjaya mendapat kutipan tertinggi dalam filem adaptasi. Hal tersebut secara tidak langsung telah menyebabkan filem adaptasi tersebut mendapat sambutan yang baik dan dalam masa yang sama akan mengangkat semangat patriotik dalam kalangan masyarakat

### **5.3 Penutup**

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada semua individu, masyarakat dan pihak berwajib untuk memberikan sokongan kepada industri penerbitan filem tempatan supaya dapat mengangkat peristiwa bersejarah menjadi sebuah filem melalui adaptasi seperti yang dilakukan oleh Jins Shamsudin. Melalui kajian ini, filem adaptasi dapat membuka mata dan mengubah persepsi masyarakat terhadap karya sastera tidak hanya terbatas pada pembacaan malah karya sastera boleh dinikmati melalui tontonan filem untuk mengangkat karya sastera mereka dengan seiring perkembangan teknologi pada hari ini.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Adey, N. H., & Bahari, F. H. (2010). Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 8(2).
- Ahmad, A. A., & Ambotang, A. S. B. (2020). Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 12-23.
- Amin, M. Z. M. (2020). Pengaruh Filem Seram Terhadap Pembantukan Jatidiri Remaja: Kajian Dalam Aspek Psikologi.
- Chong, O. S., Mahamod, Z., & Yamat, H. (2016). Faktor jantina, kaum, aliran kelas dan hubungannya dengan kecerdasan emosi murid dalam mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 12-23.
- Gim, C. S., & Nor, R. M. (2012). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah di Bachok, Kelantan. *Akademika*, 82(2), 109-118.
- Gim, C. S., & Nor, R. M. (2012). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan perilaku dan prestasi akademik pelajar sekolah menengah di Bachok, Kelantan. *Akademika*, 82(2), 109-118.
- HM, E. M. (2016). Mengelola kecerdasan emosi. *Tadrib*, 2(2), 198-213.
- Karim, H. A. (2014). Faktor gratifikasi dalam penontonan filem dan kaitannya dengan sambutan audiens. *Jurnal Kinabalu*, 20.
- Mahmud, R. H. (1998). Nilai-nilai murni dalam filem "Bukit Kepong" dan penggunaan filem dalam pengajaran (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Misbah, M. (2017). *Hubungan tahap pelaksanaan solat fardu dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar di daerah Johor Bahru* (Doctoral dissertation, Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia).
- Nazira, N. A., Mahbob, M. H., Jamri, M. H., Hassan, M. S., Rani, N. S. A., & Khairuddin, K. (2022). Kepentingan Kecerdasan Emosi: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001431-e001431.
- Norinawati Binti Kamarulzaman. (2007). Bagaimana Filem Menyampaikan Kesan

- Psikologi Seorang Watak Terhadap Penonton, Universiti Malaysia Sarawak.
- Prawitasari, J. E. (1998). Kecerdasan emosi. *Buletin Psikologi*, 6(1), 21-31.
- Rahmat, P. S. (2021). *Psikologi pendidikan*. Bumi Aksara.
- Sareya, R., Dawam, Z. A. M., Abdullah, B., & Bin Sagkif Shek, S. Z. (2020). Teknik Penyuntingan Dan Kesannya Terhadap Emosi Audiens Dalam Filem Aksi Terpilih Malaysia: Technical Editing And Their Effecting Towards Audience Emotion In Selected Action Film Malaysia. *Jurnal Gendang Alam (Ga)*, 10.
- Sastera dan Budaya, 1(1), 135-156.
- Sauki, N. A., & Husin, S. (2011). Hubungan kecerdasan emosi dengan penguasaan kemahiran pelajar Kolej Komuniti. In *Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan* (pp. 118-125).
- Sham, F. M. (2015). Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Al-Hikmah*, 7(1), 95- 103.
- Supie, N. H. (2023). Kajian Tentang Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong Dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme Dalam Kalangan Pelawat (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Ya, C. A. C., & Abd Razak, M. R. (2019). Menelusuri elemen sejarah dalam novel. *Akademiaka*, 89(89), 1.
- , Yahya, M. A., Ahmad, A. A., Hashim, N., & Johari, A. (2022). Unsur Konflik Dalam Kartun ‘Aku Budak Minang’: Kajian Dari Perspektif Psikologi. *Rentas: Jurnal Bahasa*
- YUSOF, H. A. M. (2012). Perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah bermasalah pendengaran: Implikasinya terhadap penglibatan ibu bapa. *Akademiaka*, 82(2), 137- 142.
- Zaharin, Z., Nordin, J., Mohd Salleh, M. N., & Abdul Samad, M. H. (2022). Tinjauan insiden-insiden kes serangan ke atas bangunan-bangunan Balai Polis Diraja Malaysia: Pencerobohan ke atas bangunan keselamatan. *Malaysian Journal of Sustainable Environment (MySE)*, 9(2), 83-106.

Fatchurrahmi, R., & Urbayatun, S. (2022). Peran Kecerdasan Emosi terhadap Quarter Life Crisis pada Mahasiswa Tingkat Akhir. *Jurnal Psikologi Teori dan Terapan*, 13(2), 102-113.

Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.

Hua, A. K. (2016). Mengenai Penyelidikan dan Kajian Kes: Satu Tinjauan Literatur" dalam GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space, Volume 12, Issue 10, ms. 49-55.

Ahmad, A. A., & Ambotang, A. S. B. (2020). Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 12-23.

Adey, N. H., & Bahari, F. H. (2010). Hubungan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen terhadap organisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 8(2).

Karim, Haryati Abdul. "Faktor gratifikasi dalam penontonan filem dan kaitannya dengan sambutan audiens." *Jurnal Kinabalu* 20 (2014).

Mahmud, R. H. (1998). Nilai-nilai murni dalam filem" Bukit Kepong" dan penggunaan filem dalam pengajaran (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).

Rahmat, P. S. (2021). Psikologi pendidikan. Bumi Aksara.

Sham, F. M. (2015). Kemahiran psikologi dakwah kepada golongan remaja. *Al-Hikmah*, 7(1), 95-103.

Supie, N. H. (2023). Kajian Tentang Peranan Galeri Darurat Bukit Kepong Dalam Membangkitkan Semangat Nasionalisme Dalam Kalangan Pelawat (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Ya, C. A. C., & Abd Razak, M. R. (2019). Menelusuri elemen sejarah dalam novel. *Akademika*, 89(1), 5-14.

YUSOF, H. A. M. (2012). Perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak prasekolah

bermasalah pendengaran: Implikasinya terhadap penglibatan ibu bapa. *Akademika*, 82(2), 137-142.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN